



SHARIKAT PERMODALAN  
KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

Tingkat 12, Menara Perak, 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +603 2264 5555 Faks: +603 2264 5545

SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD (4115-H)

Laporan Tahunan 2010



Laporan Tahunan **2010**

# Kandungan

Maklumat Korporat	2
Lembaga Pengarah	3
Ketua Pegawai Eksekutif	4
Statistik Kewangan Kumpulan Untuk Lima Tahun	5
Penyata Pengerusi	6
Penyata Kewangan	13
Senarai Hartanah Kumpulan	106
Senarai Pemegang Saham Utama	109
Notis Mesyuarat Agung Tahunan	111
Borang Proksi	





### **JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)**

*Pengerusi*

Y.Bhg. Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 11 November 1997. Beliau adalah seorang Panglima Angkatan Tentera Malaysia, sebelum bersara pada Jun 1993. Antara jawatan utama yang disandang oleh beliau di dalam Angkatan Tentera Malaysia adalah sebagai Panglima Divisyen, Pengarah Bahagian Perisikan Pertahanan, Panglima Tentera Darat dan seterusnya Panglima Angkatan Tentera. Pada masa ini, Jen. Tan Sri Yaacob Bin Mat Zain (B) juga menganggotai beberapa lembaga syarikat awam dan syarikat sendirian berhad seperti SPK-Sentosa Corporation Berhad, Affin Investment Bank Berhad dan Mah Sing Group Berhad.

### **IR. DR. AZMAN BIN AHMAD**

*Naib Pengerusi Eksekutif*

Ir. Dr. Azman Bin Ahmad dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 20 Jun 2002. Beliau adalah seorang Jurutera Awam berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari University of Adelaide, Australia dan Ph.D (Kejuruteraan) dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman selama 28 tahun di dalam industri pembinaan dan korporat. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB dan beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

### **LT. JEN. DATUK HAJI MD HANIF BIN HJ DARIMI, RMAF (B)**

*Pengarah*

Y.Bhg. Lt. Jen. Datuk Hanif Darimi, RMAF (B) dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Ogos 2010. Sebelum bersara dari TUDM, beliau telah memegang jawatan sebagai Panglima Operasi Udara. Antara jawatan utama yang disandang sejak berkhidmat di TUDM adalah sebagai Pegawai Pemerintah Skuadron Penerbangan WVIP, Pegawai Pemerintah TUDM Subang, Panglima Pendidikan Udara serta Panglima 1 Divisyen Udara. Pada masa ini, Lt. Jen. Datuk Hanif Darimi, RMAF (B) juga memegang jawatan pengarah di SPK-Sentosa Corporation Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

### **ABDUL RAHMAN BIN TEH MOHAMED**

*Pengarah*

Abdul Rahman Bin Teh Mohamed dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan major dalam "Analytical Economics" dari Universiti Malaya. Setelah tamat pengajian, beliau bekerja dengan United Planting Association of Malaysia sebagai Setiausaha dan bertugas dengan organisasi itu selama 23 tahun sehingga persaraannya pada tahun 1999 sebagai Ketua Eksekutif. Abdul Rahman Bin Teh Mohamed juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di bawah Kumpulan SPKB.

### **AHMAD @ MISRON BIN YUSOF**

*Pengarah*

Ahmad @ Misron Bin Yusof dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad pada 10 Mac 2000. Beliau adalah seorang jurutera elektrik profesional dan berpengalaman lebih dari 30 tahun dalam bidang pembekalan elektrik dan pengurusan pengilangan. Beliau telah berkhidmat selama 20 tahun dengan Lembaga Letrik Negara dalam jabatan teknikal dan pengurusan. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan di Federal Power dalam tahun 1993 hingga 1998. Selain dari mengendalikan syarikat rundingan pengurusan peribadinya, beliau kini juga memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

### **HASNAH BINTI MOHD SALLEH**

*Pengarah*

Hasnah Binti Mohd Salleh dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 4 Ogos 1999. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Victoria University of Wellington, New Zealand dan Diploma Perguruan dari Secondary Teachers' College, Auckland, New Zealand. Beliau bertugas sebagai guru sekolah menengah selama 3 tahun sebelum menukar profesyen sebagai Pentadbir di Universiti Malaya, di mana beliau bertugas selama 27 tahun. Pada masa ini, selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah SPKB, beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB. Beliau juga adalah seorang Ahli Institut Perhubungan Raya Malaysia (MIPR) dan ahli Badan Warisan Malaysia.

## Ketua Pegawai Eksekutif

### SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

*Ketua Pegawai Eksekutif*

Saiful Aznir Bin Shahabudin dilantik ke Lembaga Pengarah Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ("SPKB") pada 12 November 2001 dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 7 Februari 2002. Beliau meletak jawatan dari Lembaga Pengarah pada 10 Ogos 2010. Kini, beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPKB. Beliau berkecualan sebagai seorang ahli American Institute of Certified Public Accountants dan adalah seorang ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Eksekutif Encorp Group Sdn Bhd. Beliau juga memegang jawatan pengarah di beberapa anak syarikat di dalam Kumpulan SPKB.



Kawasan Kediaman di 3 Harmoni Sunway SPK Damansara, Bandar Manjalara, Kuala Lumpur.

## Statistik Kewangan Kumpulan Untuk Lima Tahun

	2010 RM'000	2009* RM'000	2008* RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
Pendapatan	544,545	381,659	342,906	343,533	402,881
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	64,349	51,570	(58,821)	84,433	27,923
Cukai	(3,705)	(2,654)	(4,344)	(426)	(15,517)
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan	60,644	48,916	(63,165)	84,007	12,406
Keuntungan/(kerugian) yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	49,304	48,106	(40,116)	52,352	4,291
Modal saham diterbitkan dan dibayar penuh	82,779	82,779	82,779	82,779	82,779
Rizab	367,086	320,176	272,330	311,677	261,208
Ekuiti diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	449,865	402,955	355,109	394,456	343,987
Kepentingan minoriti	37,146	36,161	56,218	83,070	190,769
Jumlah ekuiti	487,011	439,116	411,327	477,526	534,756
Jumlah aset	1,014,261	892,568	842,911	812,441	1,070,287
Jumlah liabiliti	527,250	453,452	431,584	334,915	535,531
Keuntungan/(kerugian) setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (sen)	59.6	58.1	(48.5)	63.2	5.2
Dividen kasar setiap saham (sen)	3	-	3	3	-
Aset ketara bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (RM)	5.28	4.72	4.11	4.57	3.64
Aset bersih setiap saham yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (RM)	5.43	4.87	4.29	4.77	4.16

\* Dinyatakan semula selepas pelarasan akibat penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117 yang dibentang di Nota 2.2 kepada penyata kewangan pada muka surat 38 dan 39.



# Penyata Pengerusi

Para pemegang saham yang dihargai,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2010.

# Penyata Pengerusi

(samb.)

## ULASAN PRESTASI KUMPULAN

Tahun 2010 menyaksikan pemulihan ekonomi yang luas daripada krisis kewangan global yang belum pernah berlaku sebelum ini yang mana telah memberi kesan yang buruk kepada ekonomi global dalam tahun 2008 dan 2009. Ekonomi yang maju mengalami pemulihan yang sederhana tetapi tahap pemulihan masih lembap di ketika pasaran buruh yang masih lemah di Amerika Syarikat dan kegawatan yang berlarutan dalam pasaran hutang dan prospek kewangan berhemah yang diamalkan oleh Kesatuan Eropah. Di kebanyakan negara Asia, ekonomi domestik kekal kukuh dengan penglibatan dan pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta.

Malaysia mencatatkan pemulihan memberansangkan dalam pertumbuhan ekonomi pada tahun lalu yang disokong oleh permintaan domestik yang kuat dan pemulihan eksport. Dibantu oleh pakej ransangan ekonomi Kerajaan dan polisi yang bersesuaian, ekonomi Malaysia mencatatkan rekod pertumbuhan yang lebih baik daripada yang dijangkakan iaitu sebanyak 7.2% dalam tahun 2010 berbanding penguncupan sebanyak 1.7% pada tahun 2009. Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang rendah sebanyak 5.2% dalam tahun 2010 berbanding 5.8% pada tahun 2009 sementara sektor perlombongan dan kuari melantun dengan kadar marginal sebanyak 0.2% daripada kadar negatif 3.8% dalam tahun 2009. Polisi Kadar Dasar Semalaman ("OPR") ditingkatkan sebanyak 75 mata asas kepada 2.75% bagi membendung kewujudan kredit berlebihan dan kenaikan harga aset ketika pemulihan ekonomi.

Selaras dengan pengukuhan ekonomi, pasaran hartanah telah menunjukkan pemulihan yang sederhana pada tahun 2010. Ini terbukti dengan aktiviti pembelian yang giat, terutamanya di lokasi yang matang dengan pembangunan yang terancang. Suasana kadar faedah yang rendah di dalam tempoh tahun tersebut telah membantu meransang sektor berkenaan. Bagaimanapun, permintaan tidak menunjukkan perubahan yang ketara meskipun kadar faedah telah kembali normal.

Walaupun beroperasi dalam suasana perniagaan yang mencabar, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Kumpulan masih memberikan prestasi yang memberansangkan dengan keuntungan selepas cukai mencatat sebanyak RM67.9 juta, meningkat sebanyak 39% berbanding tahun sebelumnya.

Bahagian Hartanah Kumpulan terus menjadi pemacu utama bagi pendapatan Kumpulan, menyumbang kira-kira 80% daripada keuntungan selepas cukai. Baki 20% disumbangkan oleh Bahagian Teknologi dan Bahagian Pembinaan Kumpulan. Bahagian Hartanah dan Bahagian Teknologi Kumpulan telah memberikan prestasi yang baik pada tahun tersebut sementara Bahagian Pembinaan telah mencatatkan keuntungan berbanding tahun sebelumnya. Bahagian Minyak dan Gas bagaimanapun telah mencatatkan kerugian yang lebih tinggi.

Sambutan terhadap semua projek pembangunan kita yang sedang dijalankan setakat ini, amat menggalakkan. Saya dengan sukacita memaklumkan bahawa Sunway SPK Damansara 3 Harmoni merupakan projek pembangunan kawasan kediaman bertingkat rendah pertama yang telah mendapat pensijilan GBI (Sementara) dan akreditasi BCA Green Mark Gold Award (Sementara) bagi teknologi hijau. Ini menunjukkan komitmen kita untuk membawa pemuliharaan alam sekitar maju setapak ke hadapan dengan menggunakan teknologi hijau di dalam pembinaan kediaman. Bagi memperluaskan pemilikan tanah bagi Bahagian ini, Kumpulan baru-baru ini telah membeli sebidang tanah seluas 1.8 ekar di Jalan Kasawari, Ampang bagi pembangunan kawasan kediaman yang "niche".

Rumah Kelab di 3 Harmoni Sunway SPK Damansara, Bandar Manjalara, Kuala Lumpur.



## Penyata Pengerusi

(samb.)

Bahagian Teknologi kita telah mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi hasil daripada tuntutan arahan perubahan (“VO”) dan penjimatan kos yang diperolehi untuk projek Sistem Maklumat Hospital bagi 13 buah hospital kerajaan di bawah Pakej 1 (Pakej 1 Projek “HIS”) yang telah disiapkan, apabila semakan semula skop kerja dimuktamadkan dalam tahun 2010. Baki tuntutan bagi lanjutan masa (“EOT”) yang diterima untuk kontrak HIS bagi Hospital Pandan turut menyumbang kepada keuntungan Bahagian ini.

Meskipun tahun 2010 merupakan satu tahun yang mencabar, Bahagian Pembinaan kita telah berjaya memperoleh kontrak antarabangsa bagi membina pusat perniagaan yang dikenali sebagai Al Raha Gardens Community Retail Centre Development di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu dan dua kontrak Kerajaan di dalam negara di bawah Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur, iaitu Projek Pembangunan Agropolitan Pekan dan Projek Pembangunan Agropolitan Besut Setiu.

Merengung kembali keputusan dua tahun lalu, saya dengan sukacita memaklumkan penglibatan Bahagian Minyak dan Gas dalam industri perkhidmatan penerbangan helikopter melalui Awan Inspirasi Holdings dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan Awan”) telah terbukti menjadi satu pelaburan yang berhasil dan menarik. Kumpulan Awan telah beroperasi dengan membanggakan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini semenjak mula beroperasi dan terus memberi keuntungan yang memberangsangkan.

Bagi mewujudkan dan memberi nilai jangka panjang kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah akan terus mencari peluang perniagaan yang baik bagi memperluaskan teras perniagaan kita, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa, yang mana akan dapat memberikan sumber yang tetap dan boleh diharapkan bagi pendapatan yang berterusan untuk kita membawa Kumpulan ke fasa pertumbuhan perolehan yang seterusnya.

### ULASAN PRESTASI KEWANGAN

Walaupun berdepan dengan suasana urusniaga yang mencabar, Kumpulan telah sekali lagi menunjukkan kewangan yang kukuh dan memberikan prestasi yang lebih baik bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2010.

Kumpulan telah mencatatkan hasil RM544.5 juta dalam tahun 2010, meningkat 43% daripada hasil tahun sebelumnya sebanyak RM381.7 juta. Ini adalah disebabkan oleh kemajuan pendapatan yang lebih tinggi daripada Bahagian Pembinaan berikutan projek antarabangsa yang berskala besar, iaitu projek Village 4 Al Falah yang bermula pada bulan Januari 2010.

Keuntungan bersih selepas cukai meningkat kepada RM60.6 juta pada tahun 2010, mewakili 24% peningkatan daripada RM48.9 juta yang dilaporkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan hasil pendapatan yang ketara ini adalah hasil sumbangan keuntungan yang dicatat oleh Bahagian Teknologi daripada tuntutan yang diperolehi ke atas VO dan penjimatan kos yang diperolehi bagi Pakej 1 Projek HIS yang telah disiapkan berserta baki tuntutan EOT untuk kontrak HIS bagi Hospital Pandan pada tahun 2010. Bahagian Hartanah turut memberi prestasi yang cemerlang dengan jualan yang menggalakkan dan margin keuntungan yang lebih baik sementara Bahagian Pembinaan mencatatkan keuntungan hasil daripada perolehan pendapatan yang positif daripada Projek Village 4 Al Falah. Bahagian Minyak dan Gas bagaimanapun mencatatkan kerugian yang ketara disebabkan semakan ke atas anggaran kos keseluruhan bagi projek yang dijalankan dan syer keuntungan Kumpulan Awan yang lebih rendah akibat kadar faedah yang dikenakan oleh pembekal bagi kredit yang diberikan berkaitan dengan pembelian helikopter.



Helikopter EC225 yang dimiliki oleh Kumpulan Awan.

## Penyata Pengerusi (samb.)

Dengan ini, pendapatan setiap unit saham bagi tahun dalam kajian adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 59.6 sen berbanding 58.1 sen pada tahun sebelumnya sementara Aset Bersih bagi setiap unit saham meningkat kepada RM5.43 pada 31 Disember 2010. Kedudukan tunai bersih kita lebih kukuh kepada RM158 juta sementara nisbah penggearan Kumpulan adalah 0.3 kali pada penghujung tahun 2010 (2009 : 0.5 kali).

### ULASAN OPERASI

#### BAHAGIAN PEMBINAAN

Projek yang dijalankan pada tahun 2010 termasuk:

**Projek Al Raha Gardens** yang bernilai AED29.9 juta yang diberikan kepada kita pada bulan Mac 2010 melibatkan kerja membina pusat perniagaan bagi Al Raha Gardens Community di Abu Dhabi. Projek ini dilaksanakan pada bulan Mac 2010 dan sebahagian besar projek ini telah pun disiapkan. Kami menjangkakan projek ini dapat diserahkan kepada klien dalam tempoh 12 bulan seperti yang dipersetujui.

**Projek Village 4 Al Falah** yang melibatkan kerja membina dan menyiapkan 730 unit villa bagi Village 4 Projek Pembangunan Komuniti Al Falah di Abu Dhabi. Projek ini dilaksanakan pada bulan Januari 2010 dan dijadualkan siap dalam 3 seksyen dengan seksyen terakhir disiapkan dalam tempoh 30 bulan. Kerja-kerja bagi projek ini berjalan lancar mengikut program jadual kerja. Kami menjangka projek ini dapat disiapkan dan diserahkan mengikut tempoh masa yang telah dipersetujui.

**Projek Agropolitan Pekan** bernilai RM29 juta yang diberikan kepada kita pada bulan September 2010 melibatkan kerja-kerja membina dan menyiapkan 213 unit rumah, 10 unit kuarters pengurusan, kemudahan dan infrastruktur bagi Projek Agropolitan Pekan. Kerja bagi projek ini telah dimulakan pada bulan September 2010 dan berjalan lancar mengikut jadual. Kami menjangka projek ini dapat disiapkan dan diserahkan dalam tempoh 15 bulan mengikut tempoh waktu yang diberikan.

**Projek Agropolitan Besut Setiu** bernilai RM60 juta yang diberikan kepada kita pada bulan September 2010 melibatkan kerja-kerja membina dan menyiapkan 100 unit rumah, 5 unit kuarters pengurusan, kemudahan, 52 unit penternakan binatang ("APU"), tapak makanan ternakan dan lain-lain fasiliti dan infrastruktur yang berkaitan bagi Projek Agropolitan Besut Setiu. Projek ini dilaksanakan pada bulan September 2010, bagaimanapun projek ini lewat daripada jadual asal disebabkan oleh perubahan besar pada kerja-kerja tanah dan rekaan asas binaan di kawasan penempatan dan kawasan APU seperti yang diminta oleh klien. Kami dalam proses mendapatkan EOT bagi menyiapkan projek ini sehingga suku ketiga tahun 2012.

**Projek Putrajaya STP 2 Modul 2** melibatkan kerja-kerja mereka, membina, menyiapkan dan mentauliah loji rawatan kumbahan bersepadu STP2 modul 2 untuk Putrajaya. Semenjak dimulakan pada bulan Februari 2009, kita telah mencapai kemajuan yang baik bagi projek ini. Bagaimanapun, disebabkan oleh beberapa perubahan yang besar dalam komponen mekanikal dan kejuruteraan seperti yang diminta oleh pihak berkuasa, kami memohon EOT untuk menyiapkan projek ini. Kami menjangkakan dapat menyiapkan dan menyerahkan projek ini kepada klien pada suku pertama tahun 2013.

#### BAHAGIAN MINYAK DAN GAS

Bahagian ini memberi tumpuan untuk melaksanakan projek yang sedia ada dalam tahun ini di samping mendapatkan projek baru bagi memperluaskan perniagaan perkhidmatan penerbangan helikopter.

**Projek GUMUSUT Kakap FPS Hull** bernilai RM24 juta melibatkan kerja-kerja mengecat dan "blasting" untuk Projek GUMUSUT Kakap FPS Hull, diusahakan melalui usahasama sebanyak 80:20 di antara perkongsian entiti bersama kita, iaitu ThyssenKrupp Xervon Corp. Sdn Bhd dan Mindus (M) Sdn Bhd. Projek ini dilaksanakan pada bulan Mei 2008 dan kita telah dapat menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan mengikut program jadual kerja yang dijangka akan diserahkan pada suku kedua tahun 2011.

**Projek Rejuvenasi Fasa 2 Terminal Minyak Mentah Miri** melibatkan kerja-kerja perolehan, pembinaan dan mentauliah Projek Rejuvenasi Fasa 2 Terminal Minyak Mentah Miri yang dijalankan di atas "live plant". Berikutan penyambungan semula kerja-kerja pada bulan Mac tahun lalu, kita telah dapat menyiapkan sebahagian besar projek ini dan dijangka dapat diserahkan dalam masa yang terdekat.

## Penyata Pengerusi

(samb.)

**Perkhidmatan Penerbangan Helikopter** Kumpulan Awan telah dapat menjalankan perkhidmatan dengan baik tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini semenjak mula beroperasi pada 1 Oktober 2008. Dari segi piawaian operasi dan keselamatan, ia telah mematuhi syarat-syarat ketat yang dikehendaki oleh Jabatan Penerbangan Awam dan lulus dengan cemerlang beberapa pemeriksaan operasi audit dijalankan oleh Shell Aviation dan CHC Helicopters. Adalah sesuatu yang memberangsangkan apabila operasi Kumpulan Awan ini diiktiraf sebagai salah satu perkhidmatan penerbangan helikopter yang terbaik di rantau Asia Tenggara. Lanjutan daripada kontrak jualan dengan Eurocopter Malaysia Sdn Bhd bagi pembelian 3+1 buah helikopter baru EC225 bagi tatarajah diluar pantai, Kumpulan ini telah menerima helikopter yang pertama pada bulan Disember 2010. Helikopter kedua dijangka akan diterima pada penghujung tahun 2011 sementara yang ketiga dijadualkan pada bulan Mei 2013. Kumpulan ini juga telah memperoleh kelulusan yang diperlukan bagi membina "hangar" sendiri di Miri. Pembinaan "hangar" ini telah bermula pada bulan Jun 2010 dan dijangka dapat disiapkan pada bulan Julai 2011.

### BAHAGIAN HARTANAH

Kami dengan sukacitanya memaklumkan pelancaran baru kita telah mendapat sambutan yang baik. Permintaan yang tinggi untuk hartanah kita adalah disebabkan oleh lokasinya yang strategik dan kemudahan yang terancang dengan akses laluan yang mudah dan prasarana yang baik bagi projek pembangunan kita.

**Ambangan Heights, Sg. Petani, Kedah** merupakan projek pembangunan bandar baru sebanyak 2,254 ekar yang bersepadu termasuk 300 ekar Pusat Bandar Utama yang terdiri daripada pusat pentadbiran kerajaan, majlis perbandaran dan juga pusat komersil dan perniagaan bagi Bandar Amanjaya. Kini, sebanyak 4,314 unit hartanah telah dilancar, yang mana 3,601 unit telah siap dan diserahkan kepada pembeli sementara 565 unit dijangka siap untuk diserahkan pada penghujung tahun 2011.

**Sunway SPK Damansara, Bandar Manjalara, Kuala Lumpur** merupakan pembangunan usahasama 50:50 dengan Sunway City Berhad di atas tanah seluas 120 ekar. Projek ini adalah projek pembangunan kediaman bagi pasaran kelas atasan dengan nilai pembangunan kasar ("GDV") melebihi RM800 juta. Parsel pembangunan pertama yang mengandungi 608 unit rumah teres 2 dan 2 ½ tingkat telah siap dan diserahkan kepada pembeli. Parsel kedua pembangunan yang mengandungi 196 unit rumah berkembar telah dilancarkan pada bulan Ogos 2007 dengan anggaran harga jualan sebanyak RM1.9 juta setiap unit. Walaupun dengan harga yang tinggi di dalam kawasan perdana, lebih daripada 95% daripada unit yang telah dilancarkan itu telah dijual dalam tempoh 4 bulan. Baki parsel tanah berkeluasan kira-kira 25 ekar untuk 180 unit 3-tingkat "townhouse" yang dinamakan "Sunway SPK 3 Harmoni" telah dilancarkan pada awal tahun 2010 dengan anggaran harga jualan sebanyak RM1.1 juta. Kini, 92% daripada unit tersebut telah terjual. Kami juga dengan sukacita memaklumkan Harmoni 3 merupakan projek pembangunan kawasan kediaman bertingkat rendah yang pertama mendapat pensijilan GBI (Sementara) dan akreditasi BCA Green Mark Gold Award (Sementara) bagi teknologi hijau.

Pintu masuk utama ke Sunway SPK Damansara, Bandar Manjalara, Kuala Lumpur.



## Penyata Pengerusi (samb.)

**Cahaya SPK, Shah Alam, Selangor** Dirancang dengan 3,965 unit kediaman dan komersil yang berlatarbelakangkan suasana alam semulajadi, projek pembangunan rumah ala resort seluas 500 ekar ini mempunyai kemudahan kelab dan mempunyai GDV sebanyak RM1.65 bilion dalam tempoh masa 11 tahun sehingga tahun 2017. Projek pembangunan berkepadatan rendah ini dengan purata 8 unit bagi setiap ekar akan dimajukan dengan memberi perhatian untuk mengekalkan alam semulajadi menggunakan kehijauan dan lanskap semulajadi bagi menggalakkan aktiviti luar yang lebih banyak dan cara hidup yang sihat di kalangan penghuninya.

Setakat ini, sebanyak 827 unit telah dilancarkan, yang mana sebanyak 786 unit mewakili 95% telah dijual sehingga penghujung tahun.

### PROSPEK BAGI 2011

Pemulihan ekonomi, yang bermula pada pertengahan tahun 2009 akan terus pulih pada tahun ini. Asia yang sedang membangun dengan asas ekonomi yang lebih baik dan permintaan domestik yang lebih kukuh dijangka akan memacu pertumbuhan ekonomi global. Ekonomi negara-negara maju akan mengalami kesukaran akibat isu hutang negara dan prospek "deleveraging" yang berlanjutan. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi Asia yang sedang membangun akan berhadapan dengan tekanan kadar inflasi yang meningkat, dan ini membawa kepada tindakan penyekatan polisi selanjutnya. Matawang bagi negara-negara Asia yang sedang membangun dijangka meningkat berbanding dolar Amerika sementara matawang utama lain bertambah kukuh berbanding dolar Amerika.

Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh sederhana kepada 5.2% dalam tahun 2011 (Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Starbiz 15 April 2011). Halangan yang berstruktur dalam eksport bersih akan menurunkan pertumbuhan keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("GDP") dalam tahun 2011, sementara permintaan domestik dijangka menjadi lebih kukuh disebabkan oleh polisi sokongan kerajaan. Dengan pertumbuhan GDP yang berpotensi dengan kadar 5% ke 6%, dan kadar inflasi yang dijangka masih boleh ditangani sebanyak 3.2% dalam tahun 2011, Bank Negara Malaysia dijangka akan menaikkan OPR sebanyak 50 mata asas kepada 3.25% pada penghujung tahun 2011. Nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika dijangka akan mencecah 3.05 dalam tahun 2011 di atas aliran modal yang besar.

Projek pembangunan dan projek baru berskala besar yang dijangka akan dilaksanakan di bawah Program Transformasi Ekonomi ("ETP") dan Rancangan Malaysia ke-10 seperti sistem pengangkutan MRT Lembah Kelang yang bernilai RM37 bilion bagi projek Greater Kuala Lumpur, penyambungan laluan LRT sediada bernilai RM7 bilion akan menjadi pemangkin utama kepada industri pembinaan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Ini dijangka akan memberi manfaat kepada Bahagian Pembinaan kita dan kami berharap dapat memperoleh beberapa kontrak yang signifikan dalam tahun 2011 untuk mempertingkatkan buku pesanan kita.

Mengambil kira aktiviti pembangunan yang giat dalam sektor minyak dan gas dan penemuan besar minyak di persisiran Sarawak, kami yakin bahawa prospek urusniaga Bahagian Minyak dan Gas dalam perkhidmatan penerbangan helikopter yang mana akan memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan pendapatan Bahagian Minyak dan Gas dimana kami sedang giat mendapatkan peluang baru untuk kontrak perkhidmatan penerbangan helikopter bagi memperbesarkan sumber pendapatan Kumpulan.



Villa di Projek Village 4 Al Falah,  
Abu Dhabi.

## Penyata Pengerusi

(samb.)

Bagi Bahagian Hartanah pula, kami amat optimis dapat mengekalkan permintaan terhadap produk hartanah Kumpulan yang terdiri daripada pelbagai produk dari yang mampu dimiliki kepada pasaran kelas pertengahan dan atasan dimana kami berusaha untuk memantapkan daya kompetitif dan kedudukan pasaran disamping mencari kaedah-kaedah untuk memperbaiki jualan dan margin melalui inovasi pembangunan produk dan strategi. Dengan usaha Kerajaan yang berterusan untuk menggalakkan pemilikan rumah sebagai satu pemacu untuk pembangunan di bawah ETP, kami berharap mendapat syer pasaran yang lebih besar bagi projek hartanah.

Meskipun keadaan ekonomi yang positif, kita perlu sentiasa berwaspada dengan ketidaktentuan ekonomi global. Kami akan terus mencari kaedah-kaedah bagi meningkatkan efisyensi dan melaksanakan langkah kos yang efektif untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham. Dengan adanya asas yang lebih kuat, kami yakin Kumpulan ini berada di kedudukan yang baik untuk berdepan dengan cabaran yang mendatang dan mengambil peluang yang mungkin muncul daripada pelbagai teras urusniaga yang melibatkan Kumpulan demi mencapai prestasi yang lebih mantap pada tahun akan datang.

### DIVIDEN

Saya dengan sukacitanya memaklumkan kepada pemegang saham bahawa Lembaga Pengarah mencadangkan dividen pertama dan terakhir sebanyak 5 sen ditolak 25% cukai pendapatan (3.75 sen bersih bagi setiap saham biasa) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010. Dividen yang dicadangkan adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung akan datang.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemegang saham, rakan niaga, pelanggan, bank, sub-kontraktor, pembekal dan badan-badan kawalan atas sokongan yang tidak berbelah bagi, kepercayaan dan keyakinan kepada usaha dan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah juga ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan dan anggota kerja Kumpulan di atas kerja keras, dedikasi dan komitmen sepanjang tahun berkenaan. Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan kepada ahli Lembaga Pengarah atas sokongan dan sumbangan yang amat berharga yang berterusan.

Tahun 2011 akan menjadi tahun yang mengujakan yang penuh dengan cabaran dan peluang dan saya berharap akan sentiasa terus mendapat semangat, sokongan dan komitmen daripada semua untuk membawa Kumpulan kita ke tahap yang lebih tinggi. Bersama, kita mampu membuat perubahan dan saya amat optimis tahun 2011 akan menjadi satu lagi tahun yang menarik dan menjanjikan kejayaan bagi Kumpulan.

**JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)**

*Pengerusi*

# Penyata Kewangan

Laporan Para Pengarah	14 - 17
Penyata Para Pengarah	18
Akuan Berkanun	18
Laporan Juruaudit	19 - 20
Penyata Pendapatan	21
Penyata Pendapatan Komprehensif	22
Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan	23 - 25
Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat	26 - 27
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan	28 - 29
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Syarikat	30
Penyata Aliran Tunai Disatukan	31 - 33
Penyata Aliran Tunai Syarikat	34 - 35
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	36 - 105



## Laporan Para Pengarah

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

### KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya.

Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 17 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

### KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	60,644	41,115
Pengagihan kepada:		
Pemegang ekuiti Syarikat	49,305	41,115
Kepentingan minoriti	11,339	-
	60,644	41,115

Tiada sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang butiran, urusan niaga atau peristiwa yang material dan bersifat luar biasa.

### DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat adalah dividen pertama dan terakhir untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, sebanyak 3% ditolak 25% cukai ke atas 82,778,643 saham biasa, berjumlah RM1,862,519 (2.25 sen bersih sesaham) yang dibayar pada 17 Ogos 2010.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, para pengarah mencadangkan dividen yang pertama dan terakhir untuk tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2010 sebanyak 5% ditolak 25% cukai ke atas 82,778,643 saham biasa, berjumlah RM3,104,199 (3.75 sen bersih sesaham) untuk diluluskan oleh para pemegang saham. Dividen yang dicadangkan ini tidak diambilkira di dalam penyata kewangan bagi tahun semasa. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2011.

### PARA PENGARAH

Nama-nama pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B)  
 Ir. Dr. Azman bin Ahmad  
 Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B) *(dilantik pada 10 Ogos 2010)*  
 Abdul Rahman bin Teh Mohamed  
 Ahmad @ Misron bin Yusof  
 Hasnah binti Mohd Salleh  
 Saiful Aznir bin Shahabudin *(meletakkan jawatan pada 10 Ogos 2010)*

# Laporan Para Pengarah

(samb.)

## MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan atau di sepanjang tahun, tidak terdapat sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi sebahagian pihak di mana para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang telah dibayar atau terhutang kepada para pengarah seperti yang dinyatakan di Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) melalui kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya seorang ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham Syarikat dan badan-badan korporat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Bilangan saham biasa RM1 setiap satu			31 Disember 2010
	1 Januari 2010	Beli	Jual	
<i>Kepentingan Langsung:</i>				
<i>Saham biasa Syarikat</i>				
Jen. Tan Sri Yaacob bin Mat Zain (B)	1,000	-	-	1,000
Ir. Dr. Azman bin Ahmad	1,000	-	-	1,000
Lt. Jen. Datuk Hj Md Hanif bin Hj Darimi RMAF (B)	-	1,000	-	1,000
Abdul Rahman bin Teh Mohamed	1,000	-	-	1,000
Ahmad @ Misron bin Yusof	1,000	-	-	1,000
Hasnah binti Mohd Salleh	1,000	-	-	1,000
<i>Saham biasa subsidiari</i>				
<i>(SPK-Sentosa Corporation Berhad)</i>				
Ahmad @ Misron bin Yusof	50,000	-	-	50,000
Hasnah binti Mohd Salleh	10,000	-	-	10,000
<i>Saham biasa subsidiari (Sunshine Bonus Sdn. Bhd.)</i>				
Ir. Dr. Azman bin Ahmad	49,999	-	-	49,999

# Laporan Para Pengarah

(samb.)

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk:
- (i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapuskira sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak memadai secara ketara; dan
  - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) tiada butiran, urusaniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SUSULAN

Peristiwa-peristiwa penting di sepanjang tahun kewangan ini dan peristiwa-peristiwa susulan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 42 kepada penyata kewangan.

# Laporan Para Pengarah

(samb.)

## JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 18 April 2011.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

## Penyata Para Pengarah

### Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B) dan LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B), dua daripada para pengarah SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 21 sehingga 105 telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 18 April 2011.

JEN. TAN SRI YAACOB BIN MAT ZAIN (B)

LT. JEN. DATUK HJ MD HANIF BIN HJ DARIMI RMAF (B)

## Akuan Berkanun

### Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, dengan takzim dan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dari muka surat 21 sehingga 105, adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 18 April 2011.

SAIFUL AZNIR BIN SHAHABUDIN

Di hadapan saya,

Mohd Radzi bin Yasin  
Pesuruhjaya Sumpah

# Laporan Juruaudit

## Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

### Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 21 ke 105.

#### *Tanggungjawab Pengarah ke atas Penyata Kewangan*

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

#### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

#### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### Laporan mengenai keperluan perundangan dan berkanun lain

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, yang kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

# Laporan Juruaudit

Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia)

(samb.)

## Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain berkenaan kandungan laporan ini.

Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
18 April 2011

Habibah binti Abdul  
No. 1210/05/12(J)  
Akauntan Bertauliah

## Penyata Pendapatan

### Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pendapatan	4	544,545	381,659	56,090	166,964
Lain-lain pendapatan	5	23,340	10,353	1,188	21,253
Kos kontrak:					
- pembinaan		(298,620)	(124,210)	-	-
- teknologi		(12,091)	(15,157)	-	-
Kos tanah untuk pembangunan dijual		(319)	(14,055)	-	-
Kos pembangunan hartanah		(148,109)	(157,527)	-	-
Kos inventori dijual		(2,509)	(1,709)	-	-
Kos jualan barangan		(303)	(4,264)	-	-
Kos perkhidmatan		(922)	(89)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(45,356)	(31,852)	(15,593)	(8,246)
Perbelanjaan jualan dan pemasaran		(10,391)	(3,712)	-	-
Lain-lain perbelanjaan		(2,365)	(15,773)	(264)	(11,397)
Keuntungan operasi		46,900	23,664	41,421	168,574
Kos kewangan	6	(7,269)	(3,987)	(21)	(17)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		2,328	5,347	-	-
Bahagian keuntungan entiti-entiti dikawal bersama		22,390	26,546	-	-
Keuntungan sebelum cukai	7	64,349	51,570	41,400	168,557
Perbelanjaan cukai	10	(3,705)	(2,654)	(285)	(4,077)
Keuntungan bagi tahun		60,644	48,916	41,115	164,480
Diagih kepada:					
Pemegang ekuiti Syarikat		49,305	48,106	41,115	164,480
Kepentingan minoriti		11,339	810	-	-
		60,644	48,916	41,115	164,480

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

## Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan bagi tahun	60,644	48,916	41,115	164,480
Pendapatan komprehensif lain: Penterjemahan matawang asing	(984)	(356)	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	59,660	48,560	41,115	164,480
Diagih kepada:				
Pemegang ekuiti Syarikat	48,785	47,987	41,115	164,480
Kepentingan minoriti	10,875	573	-	-
	59,660	48,560	41,115	164,480

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

# Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pada 31 Disember 2010

		31.12.2010	31.12.2009	1.1.2009
	Nota	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<b>ASET</b>				
<b>Aset tidak semasa</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	12	16,669	3,791	5,485
Tanah untuk pembangunan	13(a)	272,749	283,482	277,954
Hartanah pelaburan	14	18,430	22,830	22,630
Bayaran terdahulu pajakan tanah	15	-	-	-
Muhibah	16	12,448	12,448	15,264
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	18	46,532	39,634	-
Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama	19	27,813	49,350	20,472
Lain-lain pelaburan	20	367	367	367
Aset cukai tertunda	31	-	-	897
Penghutang perdagangan	22	7,372	7,549	3,799
		402,380	419,451	346,868
<b>Aset semasa</b>				
Kos pembangunan hartanah	13(b)	87,201	87,197	94,113
Inventori	21	1,903	3,814	3,809
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	22	211,320	187,157	214,181
Lain-lain aset semasa	23	153,305	91,586	38,568
Sekuriti pelaburan	25	-	2,550	3,366
Wang tunai dan baki di bank	26	158,152	100,813	140,186
		611,881	473,117	494,223
Aset kumpulan pelupusan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan		-	-	1,820
		611,881	473,117	496,043
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,014,261</b>	<b>892,568</b>	<b>842,911</b>

# Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pada 31 Disember 2010

(samb.)

		31.12.2010	31.12.2009	1.1.2009
			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Liabiliti semasa</b>				
Peruntukan	27	3,602	11,709	3,498
Pinjaman jangka pendek	28	83,176	126,087	48,830
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	29	323,148	164,359	199,373
Lain-lain liabiliti semasa	30	43,770	56,703	71,985
Cukai		3,030	2,429	3,628
		456,726	361,287	327,314
Liabiliti berkaitan langsung dengan aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan		-	-	823
		456,726	361,287	328,137
<b>Aset semasa bersih</b>		155,155	111,830	167,906
<b>Liabiliti tidak semasa</b>				
Pinjaman jangka panjang	28	53,251	69,814	83,213
Pendapatan tertunda	31	1,613	1,789	1,965
Liabiliti cukai tertunda	32	9,384	9,391	9,876
Pemiutang perdagangan	29	6,276	11,171	8,393
		70,524	92,165	103,447
<b>Jumlah liabiliti</b>		527,250	453,452	431,584
<b>Aset bersih</b>		487,011	439,116	411,327

# Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pada 31 Disember 2010  
(samb.)

		31.12.2010	31.12.2009	1.1.2009
	Nota	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<b>EKUITI DAN LIABILITI (samb.)</b>				
<b>Ekuiti diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat</b>				
Modal saham	33	82,779	82,779	82,779
Premium saham	33	4,375	4,375	4,375
Rizab modal		17	17	-
Rizab tukaran matawang asing	34	(688)	(206)	85
Keuntungan terkumpul	35	363,382	315,990	267,870
		449,865	402,955	355,109
<b>Kepentingan minoriti</b>		37,146	36,161	56,218
<b>Jumlah ekuiti</b>		487,011	439,116	411,327
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		1,014,261	892,568	842,911

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

# Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat

Pada 31 Disember 2010

		31.12.2010	31.12.2009	1.1.2009
	Nota	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<b>ASET</b>				
<b>Aset tidak semasa</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	12	1,260	818	1,315
Hartanah pelaburan	14	10,850	15,250	15,050
Bayaran terdahulu pajakan tanah	15	-	-	-
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	17	465,790	490,730	277,159
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	18	21,504	-	-
Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama	19	10,000	10,000	10,000
Lain-lain pelaburan	20	367	367	277
		509,771	517,165	303,801
<b>Aset semasa</b>				
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	22	56,827	25,688	177,596
Lain-lain aset semasa	23	72	30	66
Sekuriti pelaburan	25	-	-	18
Wang tunai dan baki di bank	26	26,701	3,161	19,599
		83,600	28,879	197,279
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>593,371</b>	<b>546,044</b>	<b>501,080</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Liabiliti semasa</b>				
Peruntukan	27	2,014	2,014	2,014
Pinjaman jangka pendek	28	202	112	135
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	29	236,458	228,671	348,059
		238,674	230,797	350,208
<b>Liabiliti semasa bersih</b>		<b>(155,074)</b>	<b>(201,918)</b>	<b>(152,929)</b>

# Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat

Pada 31 Disember 2010  
(samb.)

		31.12.2010	31.12.2009	1.1.2009
	Nota	RM'000	Dinyatakan semula RM'000	Dinyatakan semula RM'000
<b>EKUITI DAN LIABILITI (samb.)</b>				
<b>Liabiliti tidak semasa</b>				
Pinjaman jangka panjang	28	475	228	340
Pendapatan tertunda	31	596	646	696
Liabiliti cukai tertunda	32	1,384	1,384	1,334
		2,455	2,258	2,370
<b>Jumlah liabiliti</b>		241,129	233,055	352,578
<b>Aset bersih</b>		352,242	312,989	148,502
<b>Ekuiti diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat</b>				
Modal saham	33	82,779	82,779	82,779
Premium saham	33	4,375	4,375	4,375
Keuntungan terkumpul	35	265,088	225,835	61,348
<b>Jumlah ekuiti</b>		352,242	312,989	148,502
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		593,371	546,044	501,080

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	← Pengagihan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat →					Jumlah	Kepentingan Minoriti	Jumlah Ekuiti
	Modal Saham (Nota 33)	Premium Saham (Nota 33)	Rizab Modal	Rizab Tukaran Matawang Asing (Nota 34)	Keuntungan Terkumpul (Nota 35)			
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Pada 1 Januari 2009</b>	82,779	4,375	-	85	261,707	348,946	55,395	404,341
Kesan daripada penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117 (Nota 2.2)	-	-	-	-	6,163	6,163	823	6,986
<b>Pada 1 Januari 2009 (dinyatakan semula)</b>	82,779	4,375	-	85	267,870	355,109	56,218	411,327
Kesan daripada penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117 (Nota 2.2)	-	-	-	-	14	14	-	14
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	17	(136)	48,106	47,987	573	48,560
Pelupusan subsidiari (Nota 17(d)(i))	-	-	-	-	-	-	(475)	(475)
Kurangan kepentingan dalam subsidiari	-	-	-	(155)	-	(155)	(155)	(310)
Dividen (Nota 11)	-	-	-	-	-	-	(20,000)	(20,000)
<b>Pada 31 Disember 2009 (dinyatakan semula)</b>	82,779	4,375	17	(206)	315,990	402,955	36,161	439,116

# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010  
(samb.)

	← Pengagihan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat →					Jumlah	Kepentingan Minoriti	Jumlah Ekuiti
	Modal Saham (Nota 33) RM'000	Premium Saham (Nota 33) RM'000	Rizab Modal RM'000	Rizab Tukaran Matawang Asing (Nota 34) RM'000	Keuntungan Berkumpul (Nota 35) RM'000			
<b>Pada 1 Januari 2010</b>	82,779	4,375	17	(206)	315,990	402,955	36,161	439,116
Kesan daripada penggunaan FRS 139 (Nota 2.2)	-	-	-	-	(51)	(51)	(135)	(186)
<b>Pada 1 Januari 2010 (dinyatakan semula)</b>	82,779	4,375	17	(206)	315,939	402,904	36,026	438,930
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	-	(520)	49,305	48,785	10,875	59,660
Kurangan kepentingan dalam subsidiari	-	-	-	38	-	38	(685)	(647)
Pembelian kepentingan minoriti dalam subsidiari	-	-	-	-	-	-	(2,570)	(2,570)
Dividen (Nota 11)	-	-	-	-	(1,862)	(1,862)	(6,500)	(8,362)
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	82,779	4,375	17	(688)	363,382	449,865	37,146	487,011

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

## Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Syarikat

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	Modal Saham (Nota 33) RM'000	Tidak Boleh Diagihkan Premium Saham (Nota 33) RM'000	Boleh Diagihkan Keuntungan Terkumpul (Nota 35) RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
<b>Pada 1 Januari 2009</b>	82,779	4,375	59,684	146,838
Kesan daripada penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117 (Nota 2.2)	-	-	1,664	1,664
<b>Pada 1 Januari 2009 (dinyatakan semula)</b>	82,779	4,375	61,348	148,502
Kesan daripada penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117 (Nota 2.2)	-	-	7	7
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	164,480	164,480
<b>Pada 31 Disember 2009 (dinyatakan semula)</b>	82,779	4,375	225,835	312,989
<b>Pada 1 Januari 2010</b>	82,779	4,375	225,835	312,989
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	41,115	41,115
Dividen (Nota 11)	-	-	(1,862)	(1,862)
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	82,779	4,375	265,088	352,242

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

## Penyata Aliran Tunai Disatukan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan sebelum cukai	64,349	51,570
Pelarasan untuk:		
Bahagian keuntungan entiti-entiti dikawal bersama	(22,390)	(26,546)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(2,328)	(5,347)
Keuntungan yang belum direalisasikan	(1,564)	(7,865)
Tukaran matawang asing yang belum direalisasikan	861	-
Pelunasan bayaran terdahulu pajakan tanah	-	14
Kerugian rosotnilai hutang daripada entiti-entiti dikawal bersama	782	2,145
Pembalikan kerugian rosotnilai lain-lain penghutang	-	(9)
Hutang lapuk dihapusira	77	29
Perbelanjaan faedah	7,269	3,987
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,307	1,578
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5	570
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(35)	(3)
Keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan	(119)	-
Keuntungan daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	(68)
Kerugian daripada penjualan subsidiari	-	94
Kerugian rosotnilai muhibah	-	2,816
Kerugian rosotnilai tanah untuk pembangunan	-	111
Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan	(533)	(200)
Pendapatan faedah	(2,195)	(1,206)
Pendapatan dividen	-	(1)
Pendapatan hibah	(323)	(147)
Peruntukan dipulih semula	(1,250)	(75)
Pembalikan kos diakru	(15,759)	(6,471)
Peruntukan	117	8,460
Kurangan dalam nilai sekuriti boleh dipasarkan	-	330
Tambahan diskaun	(772)	-
Pengiktirafan pendapatan tertunda	(176)	(176)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	27,323	23,590

# Penyata Aliran Tunai Disatukan

## Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

(samb.)

	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (samb.)</b>		
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja (samb.)	27,323	23,590
Kurangan dalam kos pembangunan hartanah	14,733	23,420
(Tambahannya)/kurangan dalam penghutang	(26,674)	21,005
Tambahan dalam lain-lain aset semasa	(55,376)	(47,062)
Kurangan dalam sekuriti pelaburan	-	554
Kurangan/(tambahan) dalam inventori	1,911	(5)
Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang	172,985	(29,478)
Kurangan dalam lain-lain liabiliti semasa	(12,933)	(15,282)
Bayaran tuntutan guaman	(224)	-
Bayaran untuk ganti rugi kelewatan kerja	(6,750)	(174)
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) operasi	114,995	(23,432)
Cukai dibayar balik/(dibayar)	3,569	(4,595)
Hibah diterima	323	147
Faedah dibayar	(13,865)	(11,621)
Dividen dibayar	(1,862)	-
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi	103,160	(39,501)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>		
Dividen bersih diterima daripada entiti dikawal bersama	45,000	11,000
Dividen bersih diterima daripada saham-saham	-	1
Faedah diterima	2,249	1,262
Hasil daripada penjualan tanah untuk pembangunan	319	14,055
Pembelian tanah untuk pembangunan	(12,683)	(34,459)
Langganan saham dalam entiti dikawal bersama	-	(918)
Langganan saham dalam syarikat bersekutu	(1)	(34,949)
Pinjaman kepada entiti-entiti dikawal bersama	(6,348)	(553)
Pembayaran balik pinjaman daripada entiti-entiti dikawal bersama	7	901
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(3,391)	(393)
Hasil daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	120	4
Hasil daripada penjualan hartanah pelaburan	5,052	-
Aliran tunai bersih daripada penjualan subsidiari	-	384
Hasil daripada kurangan kepentingan dalam subsidiari	(6,115)	724
Pembelian kepentingan minoriti dalam subsidiari	(2,570)	-
Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti	(6,500)	(20,000)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pelaburan	15,139	(62,941)

## Penyata Aliran Tunai Disatukan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010  
(samb.)

	2010	2009
	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Penerimaan pinjaman berjangka	12,703	76,477
Pembayaran balik pinjaman berjangka	(118,670)	(13,901)
Pembayaran balik liabiliti sewabeli	(571)	(517)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	(106,538)	62,059
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI</b>	11,761	(40,383)
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI</b>	99,886	140,269
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	111,647	99,886

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

## Penyata Aliran Tunai Syarikat

### Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan sebelum cukai	41,400	168,557
Pelarasan untuk:		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	358	554
Pelunasan bayaran terdahulu pajakan tanah	-	7
Pengiktirafan pendapatan tertunda	(50)	(50)
Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan	(533)	(200)
Penepian hutang daripada subsidiari	-	2,264
Kerugian rosotnilai hutang daripada subsidiari-subsidiari	264	4
Pembalikan kerugian rosotnilai hutang daripada subsidiari-subsidiari	-	(19,816)
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(33)	(3)
Keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan	(119)	-
Keuntungan daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	(2)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	72
Pendapatan faedah	(300)	(79)
Pendapatan dividen	(53,788)	(165,885)
Pendapatan hibah	(26)	(29)
Perbelanjaan faedah	21	17
Kerugian rosotnilai pelaburan dalam subsidiari	-	9,079
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(12,806)	(5,510)
Tambahan dalam penghutang	(31,429)	(53,551)
(Tambahan)/kurangan dalam lain-lain aset semasa	(42)	36
Tambahan dalam pemiutang	20,265	31,911
Kurangan dalam sekuriti pelaburan	-	20
Tunai digunakan dalam operasi	(24,012)	(27,094)
Hibah diterima	26	29
Faedah dibayar	(21)	(17)
Cukai dibayar	(259)	(78)
Dividen dibayar	(1,862)	-
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti operasi	(26,128)	(27,160)

# Penyata Aliran Tunai Syarikat

## Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010

(samb.)

	2010	2009
	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>		
Dividen bersih diterima daripada entiti dikawal bersama	45,000	11,000
Faedah diterima	300	79
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(284)	(136)
Langganan saham dalam syarikat bersekutu	(1)	-
Pembelian saham dalam subsidiari	(253)	-
Pembelian keahlian kelab	-	(90)
Hasil daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	33	4
Hasil daripada penjualan hartanah pelaburan	5,052	-
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	49,847	10,857
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Pembayaran balik liabiliti sewabeli, merupakan aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(179)	(135)
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI</b>	23,540	(16,438)
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI</b>	3,161	19,599
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	26,701	3,161

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 12, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan kepada subsidiari-subsidiarinya. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di Nota 17. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 18 April 2011.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS yang baru dan yang disemak semula yang mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 seperti yang dihuraikan dengan sepenuhnya di Nota 2.2.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan di dasar-dasar perakaunan berikut.

Penyata kewangan disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke angka ribuan yang terhampir (RM'000) kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.

### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai adalah sejajar dengan tahun kewangan lepas kecuali yang berikut:

Pada 1 Januari 2010, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai FRS dan IC Interpretasi baru dan yang disemak semula yang mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.

FRS 7:	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8:	Segmen Operasi
FRS 101:	Pembentangan Laporan Kewangan (disemak semula)
FRS 123:	Kos Pinjaman
FRS 139:	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian
Pindaan-pindaan kepada FRS 108:	Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
Pindaan-pindaan kepada FRS 7:	Instrumen Kewangan: Pendedahan
Pindaan-pindaan kepada FRS 117:	Pajakan
Pindaan-pindaan kepada FRS 119:	Manfaat Pekerja
Pindaan-pindaan kepada FRS 120:	Perakaunan untuk Geran Kerajaan dan Pendedahan untuk Bantuan Kerajaan
Pindaan-pindaan kepada FRS 123:	Kos Pinjaman
Pindaan-pindaan kepada FRS 1:	Penggunaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan dan FRS 127: Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan: Kos Pelaburan di dalam Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu
Pindaan-pindaan kepada FRS 2:	Bayaran Berasaskan Saham – Syarat-syarat Letak Hak
Pindaan-pindaan kepada FRS 5:	Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

Pindaan-pindaan kepada FRS 127:	Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan
Pindaan-pindaan kepada FRS 128:	Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu
Pindaan-pindaan kepada FRS 129:	Laporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi
Pindaan-pindaan kepada FRS 131:	Kepentingan dalam Usaha Sama
Pindaan-pindaan kepada FRS 132:	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
Pindaan-pindaan kepada FRS 134:	Laporan Kewangan Interim
Pindaan-pindaan kepada FRS 138:	Aset Tidak Ketara
Pindaan-pindaan kepada FRS 139:	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian, FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan dan IC Interpretasi 9: Penaksiran Semula Derivatif Terbenam
Pindaan-pindaan kepada FRS 140:	Hartanah Pelaburan
IC Interpretasi 9:	Penaksiran Semula Derivatif Terbenam
IC Interpretasi 10:	Laporan Kewangan Interim dan Rosotnilai
IC Interpretasi 11:	FRS 2 – Kumpulan dan Urusniaga Saham Perbendaharaan
IC Interpretasi 13:	Program Kesetiaan Pelanggan
IC Interpretasi 14:	FRS 119 – Had kepada Aset Manfaat Dikenalpasti, Keperluan Dana Minimum dan Interaksinya

FRS 4 Kontrak Insurans dan TRI-3 Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam yang juga telah efektif bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 tidak berkaitan dengan Kumpulan atau Syarikat.

Penggunaan piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kesan ke atas prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali yang dinyatakan di bawah:

#### FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan

Sebelum 1 Januari 2010, maklumat tentang instrumen kewangan dibentang menurut syarat-syarat FRS 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan. FRS 7 memperkenalkan pendedahan baru untuk memperbaiki maklumat mengenai instrumen kewangan. FRS ini memerlukan pendedahan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai pendedahan kepada risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minima yang ditentukan tentang risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran, termasuk analisis sensitiviti kepada risiko pasaran.

Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS 7 secara prospektif menurut peruntukan peralihan. Dengan itu, pendedahan baru tidak digunakan untuk pendedahan perbandingan. Pendedahan baru ini digunakan di seluruh penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

#### FRS 101 Pembentangan Laporan Kewangan (disemak semula)

FRS 101 (disemak semula) memperkenalkan perubahan dalam pembentangan dan pendedahan penyata kewangan. FRS ini mengasingkan perubahan pemilik dan bukan pemilik dalam ekuiti. Penyata perubahan dalam ekuiti hanya mengandungi butiran tentang urusniaga dengan pemilik, dan perubahan bukan pemilik dalam ekuiti dibentang sebagai satu urusniaga. FRS ini juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif yang membentangkan semua butiran pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan, bersama dengan semua butiran pendapatan dan perbelanjaan yang lain, sama ada dalam satu penyata atau dua penyata yang berkaitan. Kumpulan dan Syarikat telah memilih pembentangan penyata tersebut dalam dua penyata yang berkaitan.

Di samping itu, penyata kedudukan kewangan pada permulaan tempoh perbandingan yang terawal diperlukan selepas sesuatu perubahan dalam dasar perakaunan, pembetulan kesilapan atau klasifikasi butiran dalam penyata kewangan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

FRS 101 Pembentangan Laporan Kewangan (disemak semula) (samb.)

FRS 101 (disemak semula) juga memerlukan Kumpulan membuat pendedahan baru untuk membolehkan pengguna penyata kewangan membuat penilaian objektif, polisi dan proses Kumpulan untuk mengurus modal (rujuk Nota 41).

FRS 101 (disemak semula) diterima pakai secara retrospektif oleh Kumpulan dan Syarikat.

Pindaan-pindaan kepada FRS 117: Pajakan

Pindaan-pindaan kepada FRS 117 Pajakan menjelaskan klasifikasi pajakan tanah dan bangunan. Bagi unsur tanah yang dipegang sebagai pajakan operasi yang perlu diklasifikasi sebagai pajakan kewangan, Kumpulan akan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dalam penyata kewangan yang akan diterima pakai secara retrospektif pada penggunaan permulaan. Walau bagaimanapun, menurut peruntukan peralihan, Kumpulan dibenarkan menaksir semula klasifikasi pajakan berdasarkan fakta-fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh Kumpulan menerima pakai pindaan-pindaan tersebut; dan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dengan pajakan tanah yang baru diklasifikasi sebagai pajakan kewangan pada nilai wajarnya pada tarikh tersebut; sebarang perbezaan di antara nilai-nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan terkumpul.

Sebelum 1 Januari 2010, tanah pajakan diklasifikasi sebagai bayaran terdahulu pajakan tanah dan dilunas berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Pindaan-pindaan kepada FRS 117 telah mengakibatkan perubahan dalam dasar perakaunan yang berkaitan dengan klasifikasi tanah pajakan. Kumpulan dan Syarikat telah menaksir semula klasifikasi pajakan dan tanah pajakan memenuhi kriteria pajakan kewangan dan oleh kerana tanah dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai modal atau kedua-duanya, tanah tersebut diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan.

Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai perubahan dalam dasar perakaunan berkaitan dengan tanah pajakan menurut pindaan-pindaan kepada FRS 117. Klasifikasi semula tanah pajakan sebagai hartanah pelaburan dinyatakan secara retrospektif dan seperti yang didedahkan di bawah, angka perbandingan tertentu telah dinyatakan semula. Tanah pajakan dinilai pada nilai wajar sebanyak RM10,030,000 dan keuntungan daripada perubahan dalam nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan terkumpul.

Angka-angka perbandingan yang berikut telah dinyatakan semula akibat penggunaan pindaan-pindaan kepada FRS 117:

	Nota	Seperti Dinyatakan Dahulu RM'000	Pelarasan RM'000	Seperti Dinyatakan Semula RM'000
<b>Penyata kedudukan kewangan disatukan</b>				
<b>31 Disember 2009</b>				
Hartanah pelaburan	14	12,800	10,030	22,830
Bayaran terdahulu tanah pajakan	15	842	(842)	-
Keuntungan terkumpul		309,813	6,177	315,990
Kepentingan minoriti		35,338	823	36,161
Liabiliti cukai tertunda	32	7,203	2,188	9,391

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

### 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

#### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

Pindaan-pindaan kepada FRS 117: Pajakan (samb.)

	Nota	Seperti Dinyatakan Dahulu RM'000	Pelarasan RM'000	Seperti Dinyatakan Semula RM'000
<b>Penyata kedudukan kewangan disatukan (samb.)</b>				
<b>1 Januari 2009</b>				
Hartanah pelaburan	14	12,600	10,030	22,630
Bayaran terdahulu tanah pajakan	15	856	(856)	-
Keuntungan terkumpul		261,707	6,163	267,870
Kepentingan minoriti		55,395	823	56,218
Liabiliti cukai tertunda	32	7,688	2,188	9,876
<b>Penyata kedudukan kewangan Syarikat</b>				
<b>31 Disember 2009</b>				
Hartanah pelaburan	14	12,800	2,450	15,250
Bayaran terdahulu tanah pajakan	15	306	(306)	-
Keuntungan terkumpul		224,164	1,671	225,835
Liabiliti cukai tertunda	32	911	473	1,384
<b>1 Januari 2009</b>				
Hartanah pelaburan	14	12,600	2,450	15,050
Bayaran terdahulu tanah pajakan	15	313	(313)	-
Keuntungan terkumpul		59,684	1,664	61,348
Liabiliti cukai tertunda	32	861	473	1,334

#### FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian

FRS 139 mewujudkan prinsip-prinsip pengiktirafan dan penilaian aset kewangan, liabiliti kewangan dan kontrak-kontrak untuk membeli dan menjual butiran tidak bersifat kewangan. Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS 139 secara prospektif pada 1 Januari 2010 menurut peruntukan peralihan. Kesan daripada penggunaan piawaian ini telah diambilkira dengan menyelaraskan baki permulaan keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2010. Angka-angka perbandingan tidak dinyatakan semula. Butiran-butiran tentang perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan-kesan daripada penggunaan FRS 139 dihuraikan di bawah:

#### (a) Pinjaman dan penghutang

Sebelum 1 Januari 2010, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada hasil kutipan hutang kasar ditolak peruntukan untuk hutang ragu. Apabila FRS 139 diterima pakai, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada permulaannya pada nilai wajar, dan ditambah kos urusniaga langsung. Selepas pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dinilai pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar faedah efektif ("EIR") dan, ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira sebarang diskaun atau premium pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian asasi EIR. Pelunasan EIR termasuk dalam pendapatan kewangan dalam penyata kewangan. Kerugian yang timbul daripada rosotnilai diiktiraf dalam penyata kewangan dalam kos kewangan. Pada 1 Januari 2010, Kumpulan telah menilai semula pinjaman dan penghutang kepada kos dilunaskan berjumlah RM193,083,000. Pelarasan kepada nilai dibawa sebelum dinilai semula, diiktiraf sebagai pelarasan kepada baki permulaan keuntungan terkumpul pada 1 Januari 2010.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (samb.)

FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian (samb.)

#### (b) Pemiutang

Sebelum 1 Januari 2010, pemiutang dinyatakan pada hasil kutipan diterima ditolak kos urusniaga langsung. Apabila FRS 139 diterima pakai, pemiutang dinyatakan pada permulaannya pada nilai wajar, ditambah kos urusniaga langsung dan dinilai pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pengiktirafan liabiliti dibalikkan dan melalui proses pelunasan. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira sebarang diskaun atau premium pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian asasi EIR. Pelunasan EIR termasuk dalam kos kewangan dalam penyata kewangan. Pada 1 Januari 2010, Kumpulan telah menilai semula pemiutang kepada kos dilunaskan berjumlah RM173,523,000 dan pelarasan kepada nilai dibawa sebelum dinilai semula, diiktiraf sebagai pelarasan kepada baki permulaan keuntungan terkumpul pada tarikh tersebut.

#### (c) Instrumen ekuiti

Sebelum 1 Januari 2010, Kumpulan mengklasifikasi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang dipegang untuk tujuan perniagaan sebagai sekuriti boleh dipasarkan. Pelaburan tersebut dibawa pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran yang ditentukan berdasarkan asas agregat. Apabila FRS 139 diterima pakai, pelaburan tersebut diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian pada 1 Januari 2010 dan dinyatakan pada nilai wajar pada tarikh tersebut berjumlah RM2,550,000.

Kesan daripada perubahan di atas adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	Tambahhan/(Kurangan)	
	Pada 31.12.2010	Pada 1.1.2010
	RM'000	RM'000
<b>Penyata kedudukan kewangan</b>		
Penghutang dan lain-lain penghutang	(2,899)	(1,623)
Pemiutang dan lain-lain pemiutang	(3,026)	(2,007)
Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama	(252)	(570)
Keuntungan terkumpul	(125)	(186)
<b>Penyata pendapatan komprehensif</b>		
Pendapatan	(1,066)	-
Kos kontrak pembinaan	(391)	-
Kos pembangunan hartanah	(511)	-
Lain-lain pendapatan	772	-
Kos kewangan	865	-
Bahagian kerugian entiti-entiti dikawal bersama	(318)	-
Keuntungan bagi tahun	61	-

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.3 Piawaian-piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif

Kumpulan dan Syarikat masih belum menerima pakai FRS dan Interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif:

#### Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010

FRS 1:	Penggunaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan
FRS 3:	Penggabungan Perniagaan (disemak semula)
Pindaan-pindaan kepada FRS 2:	Bayaran Berasaskan Saham
Pindaan-pindaan kepada FRS 5:	Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi-operasi yang Dihentikan
Pindaan-pindaan kepada FRS 127:	Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan
Pindaan-pindaan kepada FRS 138:	Aset Tidak Ketara
IC Interpretasi 12:	Pengaturan Konsesi Perkhidmatan
IC Interpretasi 16:	Lindung Nilai terhadap Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
IC Interpretasi 17:	Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Para Pemilik
Pindaan-pindaan kepada IC Interpretasi 9:	Penaksiran Semula Derivatif Terbenam

#### Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011

Pindaan-pindaan kepada FRS 1:	Pengecualian Tambahan bagi Pengguna Pertama Kali dan Pengecualian Terhadap daripada Pendedahan Perbandingan FRS 7 bagi Pengguna Pertama Kali
Pindaan-pindaan kepada FRS 2:	Penyelesaian Tunai Bayaran Berasaskan Saham Kumpulan
Pindaan-pindaan kepada FRS 7:	Memperbaiki Pendedahan untuk Instrumen Kewangan
IC Interpretasi 4:	Menentukan sama ada Sesuatu Penyusunan Mengandungi Pajakan
IC Interpretasi 18:	Pindahan Aset Kepada Pelanggan
Pindaan-pindaan kepada FRS-FRS "Memperbaiki FRS-FRS (2010)"	
- Pindaan-pindaan kepada FRS 1:	Penggunaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan
- Pindaan-pindaan kepada FRS 3:	Penggabungan Perniagaan
- Pindaan-pindaan kepada FRS 7:	Instrumen Kewangan: Pendedahan
- Pindaan-pindaan kepada FRS 101:	Pembentangan Laporan Kewangan
- Pindaan-pindaan kepada FRS 121:	Kesan daripada Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing
- Pindaan-pindaan kepada FRS 128:	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu
- Pindaan-pindaan kepada FRS 131:	Kepentingan dalam Usaha Sama
- Pindaan-pindaan kepada FRS 132:	Instrumen Kewangan: Pembentangan
- Pindaan-pindaan kepada FRS 134:	Laporan Kewangan Interim
- Pindaan-pindaan kepada FRS 139:	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian

#### Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011

IC Interpretasi 19:	Pelunasan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti
Pindaan-pindaan kepada IC Interpretasi 14:	Bayaran Terdahulu Keperluan Dana Minimum

#### Berkuatkuasa dari tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

FRS124:	Pendedahan Pihak Berkaitan
IC Interpretasi 15 dan Pindaan-pindaan kepada IC Interpretasi 15:	Perjanjian untuk Pembinaan Harta Tanah

Kumpulan dan Syarikat merancang untuk menerima pakai pengumuman yang dinyatakan di atas apabila mereka menjadi efektif dalam tempoh kewangan masing-masing. Kecuali perubahan dalam dasar perakaunan yang timbul daripada penggunaan FRS 3 (disemak semula), pindaan-pindaan kepada FRS 127 dan IC Interpretasi 15, dan juga pendedahan baru yang diperlukan di bawah pindaan-pindaan kepada FRS 7, para pengarah menjangka penggunaan piawaian dan interpretasi yang lain yang dinyatakan di atas tidak mempunyai kesan yang ketara kepada penyata kewangan dalam tempoh penggunaan permulaan. Sifat perubahan dalam dasar perakaunan yang akan timbul daripada penggunaan FRS 3 (disemak semula), pindaan-pindaan kepada FRS 127 dan IC Interpretasi 15 dinyatakan di bawah.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.3 Piawaian-piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum efektif (samb.)

#### FRS 3 Penggabungan Perniagaan (disemak semula) dan Pindaan-pindaan kepada FRS 127 Laporan Kewangan Disatukan dan Diasingkan

FRS disemak semula menjadi efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010. FRS 3 (disemak semula) memperkenalkan beberapa perubahan dalam perakaunan untuk penggabungan perniagaan yang berlaku pada atau selepas 1 Julai 2010. Perubahan-perubahan tersebut akan mempunyai kesan ke atas jumlah muhibah yang diiktiraf, keputusan yang dilaporkan dalam tempoh pengambilalihan dan keputusan yang dilaporkan pada masa depan. Pindaan-pindaan kepada FRS 127 memerlukan perubahan dalam pemilikan kepentingan dalam subsidiari (tanpa kehilangan kawalan) dinyatakan sebagai urusanniaga ekuiti. Oleh itu, urusanniaga begitu tidak akan menimbulkan muhibah ataupun keuntungan atau kerugian. Lagipun, FRS disemak semula ini mengubah perakaunan untuk kerugian daripada subsidiari dan kehilangan kawalan ke atas subsidiari.

Pindaan-pindaan penting yang lain telah dibuat kepada FRS 107 Penyata Aliran Tunai, FRS 112 Cukai Pendapatan, FRS 121 Kesan daripada Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing, FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan FRS 131 Kepentingan dalam Usaha Sama. Perubahan daripada FRS 3 (disemak semula) dan pindaan-pindaan kepada FRS 127 akan memberi kesan kepada pengambilalihan pada masa depan atau kehilangan kawalan dan urusanniaga dengan kepentingan minoriti. FRS boleh diterima pakai sebelum tarikh efektif. Walau bagaimanapun, Kumpulan tidak bertujuan untuk menerima pakai FRS sebelum tarikh efektif.

#### IC Interpretasi 15: Perjanjian untuk Pembinaan Harta Tanah

Interpretasi ini menjelaskan bila dan bagaimana pendapatan dan perbelanjaan berkaitan dengan penjualan unit harta tanah diiktiraf jika perjanjian di antara pemaju dan pembeli telah disempurnakan sebelum pembinaan harta tanah itu disiapkan. Interpretasi tersebut juga memberi panduan bagaimana menentukan sama ada sesuatu perjanjian adalah dalam skop FRS 111 Kontrak Pembinaan atau FRS 118 Pendapatan.

Kumpulan kini mengiktiraf pendapatan daripada projek hartanah pembangunan dengan menggunakan kaedah tahap penyudahan. Apabila IC Interpretasi 15 digunakan, Kumpulan dikehendaki mengubah dasar perakaunan untuk mengiktiraf pendapatan tersebut apabila penyudahan pembinaan hartanah yang berkaitan telah dicapai, ataupun apabila atau selepas penyerahan hartanah. Kumpulan sedang menaksir kesan daripada Interpretasi tersebut.

### 2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya pada tarikh laporan. Penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang digunakan dalam penyata kewangan yang disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Syarikat. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusanniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Kesemua baki di antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi hasil daripada urusanniaga di antara kumpulan dihapuskan dengan sepenuhnya.

Pengambilalihan subsidiari-subsidiari diambilkira dengan menggunakan kaedah pembelian. Aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti dalam penggabungan perniagaan dinilai pada mulanya pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan. Pelarasan kepada nilai wajar berkenaan dengan kepentingan yang dipegang dahulu dianggap sebagai penilaian semula dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kos penggabungan perniagaan dinyatakan sebagai agregat nilai wajar, pada tarikh pengambilalihan, bagi aset yang diperolehi, liabiliti yang ditanggung atau diambilalih dan terbitan instrumen ekuiti berserta perbelanjaan langsung yang berkaitan dengan penggabungan perniagaan tersebut.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.4 Asas penyatuan (samb.)

Sebarang lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti adalah dinyatakan sebagai muhibah dalam penyata kedudukan kewangan. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.9. Sebarang lebihan nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti ke atas kos penggabungan perniagaan adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian pada tarikh pengambilalihan. Apabila Kumpulan mengambilalih suatu perniagaan, derivatif terbenam yang diasingkan daripada kontrak hos oleh penjual ditaksir semula pada pengambilalihan kecuali jika penggabungan perniagaan mengakibatkan perubahan dalam terma kontrak yang mengubah aliran tunai secara ketara yang sebaliknya akan diperlukan di bawah kontrak.

Subsidiari-subsidiari disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan, dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat.

### 2.5 Subsidiari-subsidiari

Subsidiari adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti subsidiari tersebut.

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan Syarikat yang diasingkan.

### 2.6 Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, yang bukan subsidiari atau usaha sama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Syarikat bersekutu diambilkira dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu sehingga tarikh pengaruh penting tersebut tamat.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan pada kos ditambah perubahan dalam bahagian Kumpulan bagi aset bersih syarikat bersekutu selepas pengambilalihan. Muhibah berkaitan dengan syarikat bersekutu diambilkira di dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan nilai bersih wajar bahagian Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti ke atas kos pelaburan tidak termasuk di dalam nilai dibawa pelaburan tetapi termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu bagi tempoh pelaburan diambilalih.

Apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian syarikat bersekutu adalah sama dengan atau melebihi kepentingan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak lagi mengiktiraf kerugian seterusnya, kecuali Kumpulan telah menanggung pembiayaan atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan sama ada perlu mengiktiraf kerugian rosotnilai tambahan ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu Kumpulan. Kumpulan menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu telah merosotnilai pada setiap tarikh laporan. Jika begitu, Kumpulan mengira jumlah rosotnilai sebagai perbezaan di antara jumlah yang boleh dipulih dan nilai dibawa syarikat bersekutu dan mengiktiraf jumlah itu dalam keuntungan atau kerugian.

Penyata kewangan syarikat bersekutu disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Syarikat. Di mana perlu, pelarasan dibuat untuk menyeragamkan dasar-dasar perakaunan dengan yang digunakan oleh Kumpulan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan. Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.7 Entiti-entiti dikawal bersama

Kumpulan mempunyai kepentingan dalam usaha sama yang merupakan entiti dikawal bersama. Usaha sama adalah persetujuan kontrak di antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan aktiviti ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama. Entiti dikawal bersama adalah usaha sama yang melibatkan penubuhan entiti yang berasingan di mana setiap pihak usaha sama mempunyai kepentingan.

Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama dinyatakan di dalam penyata kewangan disatukan berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti seperti yang dinyatakan di Nota 2.6.

Pelaburan dalam entiti-entiti dikawal bersama dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian rosotnilai di dalam penyata kewangan berasingan Syarikat.

Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.8 Urusniaga dengan kepentingan minoriti

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan dan dibentang secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian Kumpulan dan di dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, yang diasingkan daripada ekuiti pemegang saham induk. Urusniaga dengan kepentingan minoriti diambilkira dengan menggunakan kaedah konsep ekuiti, di mana, urusniaga dengan kepentingan minoriti diambilkira sebagai urusniaga dengan pemilik. Pada pengambilalihan kepentingan minoriti, perbezaan di antara balasan dan nilai buku bahagian aset bersih yang diambilalih diiktiraf terus dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepada kepentingan minoriti diiktiraf terus dalam ekuiti.

### 2.9 Muhibah

Muhibah dinyatakan pada kos pada mulanya. Berikutan pengiktirafan permulaan, muhibah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai terkumpul.

Bagi tujuan penyemakan rosotnilai, muhibah yang diambilalih, diperuntukkan dari tarikh pengambilalihan kepada setiap unit janaan tunai ("UJT") Kumpulan yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan.

UJT di mana muhibah diperuntukkan diperiksa untuk rosotnilai setiap tahun dan apabila terdapat petunjuk yang UJT mungkin mengalami kerugian rosotnilai, dengan membandingkan nilai dibawa UJT, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan nilai yang boleh dipulih UJT. Di mana nilai yang boleh dipulih UJT kurang daripada nilai dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kerugian rosotnilai diiktiraf untuk muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh-tempoh seterusnya.

Di mana muhibah merupakan sebahagian daripada UJT dan sebahagian daripada operasi di mana UJT dilupuskan, muhibah berkaitan dengan operasi yang dilupuskan dimasukkan dalam nilai dibawa operasi apabila keuntungan atau kerugian daripada pelupusan operasi ditentukan. Muhibah yang dilupuskan dalam keadaan begitu dinyatakan berdasarkan nilai wajar relatif operasi yang dilupuskan dan bahagian UJT yang dikekalkan.

### 2.10 Rosotnilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan menaksir sama ada terdapat petunjuk yang sesuatu aset mungkin mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk begitu, atau apabila taksiran rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.10 Rosotnilai aset bukan kewangan (samb.)

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai wajar ditolak kos jualan dan nilai dalam kegunaan. Untuk menaksir kerugian rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada aras yang terendah di mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenalpasti secara berasingan.

Untuk menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada aset tersebut. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT dulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawa aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk aset yang dahulunya dinilai semula di mana penilaian semula diambil ke pendapatan komprehensif yang lain. Jika begitu, rosotnilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain sehingga jumlah sebarang penilaian dahulu.

Penaksiran dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurangan. Sesuatu kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika begitu, nilai dibawa aset akan bertambah kepada jumlah boleh dipulih. Nilai tambahan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, di mana pembalikan tersebut dibuat melalui tambahan dalam penilaian semula. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh seterusnya.

### 2.11 Hartanah, loji dan peralatan

Pada mulanya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset dapat dinilai dengan pasti.

Berikutan pengiktirafan seterusnya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian hartanah, loji dan peralatan yang penting perlu digantikan pada jarak waktu, Kumpulan mengiktiraf bahagian tersebut sebagai aset individu dengan hayat kegunaan dan susutnilai yang tertentu masing-masing. Demikian, apabila pemeriksaan utama dilaksanakan, kos diiktiraf dalam nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan sebagai penggantian jika ia memenuhi kriteria pengiktirafan. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Tanah pegangan kekal yang tiada had hayat kegunaannya tidak disusutnilai. Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan pada kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	10%
Peralatan pejabat dan komputer	10% - 33%

Aset dalam pembinaan tidak disusutnilai kerana aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.11 Hartanah, loji dan peralatan (samb.)

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dikaji semula untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dipulih.

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada akhir setiap tahun kewangan, dan diselaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pengiktirafan sesuatu hartanah, loji dan peralatan dibalikkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangka akan berhasil daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada aset tidak diiktiraf dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun pengiktirafan aset tersebut tidak diiktiraf.

### 2.12 Hartanah pelaburan

Pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos, termasuk kos urusniaga. Berikutan pengiktirafan permulaan, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar yang menggambarkan keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai wajar ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran urusniaga untuk hartanah yang sama dan ditentukan oleh penilai berdaftar bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang sesuai atau yang diakui dan mempunyai pengalaman terkini di dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi diklasifikasi dan dinyatakan sebagai hartanah pelaburan berdasarkan hartanah ke hartanah apabila Kumpulan memegangnya untuk memperolehi pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai modal atau kedua-duanya. Sebarang hartanah di bawah pajakan operasi tersebut yang diklasifikasi sebagai hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai wajar.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ianya dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian dalam tahun ianya berlaku.

Pindahan daripada atau kepada hartanah pelaburan dibuat hanya apabila terdapat perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos anggapan untuk perakaunan kemudiannya adalah nilai wajar pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartanah yang diduduki pemilik kepada hartanah pelaburan, hartanah dinyatakan mengikut dasar perakaunan untuk hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.11 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

### 2.13 Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi salah satu pihak kepada syarat-syarat perjanjian instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada mulanya, ia dinyatakan pada nilai wajar, ditambah, dalam kes aset kewangan bukan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian, kos urusniaga langsung.

Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan permulaan, dan kategori-kategori termasuk aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang sehingga matang dan aset kewangan yang sedia untuk dijual.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.13 Aset kewangan (samb.)

#### (a) Aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian jika ia dipegang untuk perniagaan atau diklasifikasi seperti itu pada pengiktirafan permulaan. Aset kewangan dipegang untuk perniagaan adalah derivatif (termasuk derivatif terbenam yang berasingan) atau aset kewangan yang diambilalih terutamanya untuk tujuan jualan dalam masa yang singkat.

Berikutan pengiktirafan permulaan, aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian dinyatakan pada nilai wajar. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan bersih atau kerugian bersih daripada aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian tidak termasuk perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada lain-lain kerugian atau lain-lain pendapatan.

Aset kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian boleh dibentang sebagai semasa atau tidak semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan dibentang sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan perniagaan dibentang sebagai semasa atau tidak semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

#### (b) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh dikenalpasti yang tidak tersiarharga dalam pasaran aktif diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang.

Berikutan pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasi sebagai aset semasa, kecuali pinjaman dan penghutang yang mempunyai tarikh matang melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan diklasifikasi sebagai tidak semasa.

#### (c) Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan yang mempunyai bayaran tetap atau boleh dikenalpasti dan kematangan yang tetap diklasifikasi sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan mempunyai tujuan dan kemampuan yang positif untuk memegang pelaburan sehingga matang.

Berikutan pengiktirafan permulaan, pelaburan dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pelaburan dipegang sehingga matang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang sehingga matang diklasifikasi sebagai aset tidak semasa, kecuali yang mempunyai tarikh matang dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan diklasifikasi sebagai semasa.

#### (d) Aset kewangan yang sedia untuk dijual

Aset kewangan yang sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual atau yang tidak diklasifikasi dalam sebarang daripada tiga kategori yang dinyatakan sebelumnya.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.13 Aset kewangan (samb.)

#### (d) Aset kewangan yang sedia untuk dijual (samb.)

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan yang sedia untuk dijual dinyatakan pada nilai wajar. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai wajar aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, kecuali kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian daripada pertukaran matawang asing ke atas instrumen kewangan dan faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian sebagai pelarasan klasifikasi semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf. Pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dividen ke atas instrumen ekuiti yang sedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah dipastikan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai wajarnya tidak dapat dinilai dengan munasabah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai.

Aset kewangan yang sedia untuk dijual diklasifikasi sebagai aset tidak semasa, kecuali jika ia dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf pada keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah balasan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Pembelian atau penjualan secara biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang pada amnya telah ditetapkan oleh peraturan atau adat biasa dalam pasaran berkenaan. Kesemua pembelian atau penjualan secara biasa aset kewangan diiktiraf atau tidak diiktiraf pada tarikh perniagaan iaitu tarikh Kumpulan dan Syarikat memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### 2.14 Rosotnilai aset kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat menaksir sama ada terdapat bukti objektif yang sesuatu aset kewangan mengalami kerugian rosotnilai.

#### (a) Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan lain-lain aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan dan Syarikat menganggap faktor seperti kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh para penghutang dan kemungkiran atau kelewatan bayaran yang ketara untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang rosotnilai aset kewangan telah berlaku. Bagi sesetengah kategori aset kewangan, seperti penghutang perdagangan, aset yang telah ditaksir tidak dirosotnilai secara individu akan ditaksir kemudiannya untuk rosotnilai pada dasar bersama berasaskan sifat risiko yang sama. Bukti objektif rosotnilai untuk portfolio penghutang boleh termasuk pengalaman lepas Kumpulan dan Syarikat dalam pemungutan bayaran, tambahan dalam nombor kelewatan bayaran dalam portfolio yang melebihi tempoh kredit purata dan perubahan yang dapat dilihat dalam keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang menghubungkan dengan kemungkiran bayaran oleh penghutang.

Jika sebarang bukti tersebut wujud, jumlah kerugian rosotnilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset kewangan yang asal. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.14 Rosotnilai aset kewangan (samb.)

#### (a) Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang dan lain-lain aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan (samb.)

Nilai dibawa aset kewangan dikurangkan dengan kerugian rosotnilai secara langsung untuk kesemua aset kewangan kecuali untuk penghutang perdagangan, di mana nilai dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Apabila penghutang perdagangan tidak boleh dikutip, ianya dihapuskan ke akaun elaun.

Jika dalam tempoh selepasnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurangan dan kekurangan tersebut boleh berhubungkait secara objektif kepada sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan rosotnilai, kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf dibalikkan sehingga nilai dibawa tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh pembalikan. Jumlah pembalikan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

#### (b) Sekuriti ekuiti tidak tersiarharga yang dibawa pada kos

Jika terdapat bukti objektif (seperti perubahan buruk yang ketara dalam keadaan perniagaan di mana penerbit beroperasi, kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penerbit) yang kerugian rosotnilai aset kewangan yang dibawa pada kos telah berlaku, jumlah kerugian dinilai sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang sama. Kerugian rosotnilai tersebut tidak dibalikkan dalam tempoh selepasnya.

#### (c) Aset kewangan yang sedia untuk dijual

Kemerosotan yang ketara dan berlanjutan dalam nilai wajar yang lebih rendah daripada kos, tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penerbit, dan kehilangan pasaran perniagaan yang aktif adalah faktor pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang pelaburan sekuriti yang diklasifikasi sebagai aset kewangan yang sedia untuk dijual telah merosotnilai.

Jika aset kewangan yang sedia untuk dijual merosotnilai, jumlah yang merangkumi perbezaan di antara kos (tolak sebarang bayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai wajar semasa, tolak sebarang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, dipindah daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosotnilai pelaburan ekuiti yang sedia untuk dijual tidak dibalikkan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh selepasnya. Tambahan dalam nilai wajar, jika ada, selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Bagi pelaburan pinjaman yang sedia untuk dijual, kerugian rosotnilai dibalikkan selepasnya dalam keuntungan atau kerugian jika tambahan dalam nilai wajar pelaburan boleh berhubungkait secara objektif kepada sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian rosotnilai dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.15 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai mengandungi tunai di bank dan di dalam tangan, tuntutan deposit, dan pelaburan jangka pendek dan amat cair yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara. Ini juga termasuk overdraf bank yang merupakan sebahagian asasi pengurusan tunai Kumpulan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.16 Tanah untuk pembangunan dan kos pembangunan hartanah

#### (a) Tanah untuk pembangunan

Tanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti pembangunan dilaksanakan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi. Tanah tersebut diklasifikasi sebagai aset tidak semasa dan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan diklasifikasi semula ke kos pembangunan hartanah apabila aktiviti pembangunan telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam tempoh kitaran kebiasaan operasi.

#### (b) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diagihkan berdasarkan asas yang munasabah kepada aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan dapat dianggarkan, pendapatan dan kos pembangunan hartanah akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan tahap penyudahan aktiviti pembangunan. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan pembangunan hartanah tersebut.

Apabila hasil pencapaian aktiviti pembangunan tidak dapat dianggarkan, pendapatan pembangunan hartanah yang diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos pembangunan hartanah yang dapat dipulihkan. Kos pembangunan hartanah yang telah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Sebarang kerugian yang dijangkakan bagi projek pembangunan, termasuk kos yang akan dibelanjakan dalam tempoh tanggungan ketidaksempurnaan, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai bersih boleh direalisasikan.

Secukupnya pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian melebihi tuntutan kepada pembeli, jumlah itu diklasifikasi sebagai akrual tuntutan di dalam penghutang dan jikalau tuntutan kepada pembeli melebihi pendapatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, jumlah itu diklasifikasi sebagai tuntutan kemajuan di dalam pemiutang.

### 2.17 Kontrak pembinaan dan teknologi

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak pembinaan dan teknologi dapat dijangka, pendapatan kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan tahap penyudahan aktiviti kontrak. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dibelanjakan sehingga tarikh penutupan akaun kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan kontrak tersebut.

Apabila hasil pencapaian sesuatu kontrak tidak dapat dianggarkan dengan pasti, pendapatan kontrak yang diiktiraf adalah terhad kepada anggaran kos kontrak yang dapat dipulihkan. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya dibelanjakan.

Jikalau jumlah kos kontrak dijangka melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangkakan tersebut akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Pendapatan kontrak merangkumi jumlah pendapatan permulaan yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga terdapat kemungkinan mereka akan mengakibatkan pendapatan dan mereka boleh dinilai dengan pasti.

Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang daripada pelanggan kontrak apabila kos yang dibelanjakan atas kontrak ditambah keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf) melebihi tuntutan kemajuan kerja. Baki ditunjukkan sebagai jumlah hutang kepada pelanggan kontrak apabila tuntutan kemajuan kerja melebihi kos yang dibelanjakan ditambah keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf).

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.18 Inventori

#### (a) Hartanah untuk penjualan semula

Hartanah untuk penjualan semula dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih. Kos ditentukan pada asas pengenaln khusus dan termasuk kos tanah, pembinaan dan perbelanjaan pembangunan yang sewajarnya, termasuk perbelanjaan faedah yang ditanggung sepanjang tempoh pembangunan. Nilai boleh direalisasikan bersih mewakili anggaran harga jualan ditolak semua anggaran kos untuk penyediaan dan anggaran kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pengedaran.

#### (b) Bahan-bahan mentah

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai bersih boleh direalisasikan.

### 2.19 Pajakan

#### (a) Sebagai pemajak

Pajak kewangan, yang memindahkan sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat Kumpulan yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajak, dimodalkan pada permulaan pajakan itu pada nilai wajar aset yang dipajak, atau, jika lebih rendah, pada nilai kini bayaran pajakan minima. Sebarang kos permulaan langsung juga ditambah kepada jumlah yang dimodalkan. Bayaran pajakan dibahagikan di antara caj kewangan dan pengurangan dalam liabiliti pajakan untuk mendapat kadar faedah yang sejajar daripada baki liabiliti yang masih ada. Caj kewangan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sewa luarjangka, jika ada, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

Aset yang dipajak disusutnilai sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan mendapat pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset ini akan disusutnilai sepanjang anggaran hayat kegunaan dan tempoh pajakan yang mana lebih pendek.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian pada dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan daripada perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan pada dasar garis lurus.

#### (b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana Kumpulan mempertahankan sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat daripada pemilikan aset adalah diklasifikasi sebagai pajakan operasi. Kos permulaan langsung yang berlaku dalam perbincangan pajakan operasi ditambah kepada nilai dibawa aset yang dipajak dan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan atas dasar yang sama seperti pendapatan sewa. Dasar perakaunan untuk pendapatan sewa dinyatakan di Nota 2.25(e).

### 2.20 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa (sah atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lampau dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tanggungan tersebut.

Peruntukan akan ditaksir semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang munasabah. Sekiranya tiada kemungkinan aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan, peruntukan dibalikkan. Di mana kesan nilai kini wang adalah penting, jumlah peruntukan akan didiskaunkan dengan menggunakan kadar semasa sebelum cukai yang menggambarkan, sekiranya sesuai, risiko tertentu liabiliti tersebut. Apabila kaedah diskaun digunakan, penambahan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.21 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi menurut isi kandungan penyusunan kontraktual yang telah dimasukkan dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak untuk instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan yang lain.

#### (a) Liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian

Liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk perniagaan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasi pada permulaan pengiktirafan sebagai pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan yang dipegang untuk perniagaan termasuk derivatif yang telah dimasukkan oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak memenuhi kriteria pelindung nilai perakaunan. Pada mulanya, liabiliti derivatif dinyatakan pada nilai wajar dan selepasnya diiktiraf pada nilai wajar, dengan sebarang hasil keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif termasuk perbezaan tukaran.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai liabiliti kewangan pada nilai wajar melalui keuntungan atau kerugian pada akhir tahun 31 Disember 2010.

#### (b) Liabiliti kewangan yang lain

Liabiliti kewangan yang lain Kumpulan dan Syarikat termasuk pemiutang perdagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman.

Pada mulanya, pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang diiktiraf pada nilai wajar ditambah kos urusan yang berkaitan secara langsung dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Pada mulanya, pinjaman diiktiraf pada nilai wajar, ditolak kos urusan bersih yang berlaku, dan selepasnya dinilai pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti telah tidak diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila kewajipan di bawah liabiliti telah dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan yang ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama pada syarat yang sebahagian besarnya berbeza, atau syarat liabiliti yang ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dikenalpasti sebagai penarikbalikan liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru dan perbezaan dari segi nilai dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.22 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit membuat bayaran tertentu untuk membayar balik kerugian yang berlaku kepada pemegang kerana penghutang tertentu gagal membuat bayaran apabila perlu dibayar.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.22 Kontrak jaminan kewangan (samb.)

Pada mulanya, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai wajar, ditolak kos urusniaga. Selepas pengiktirafan permulaan, jaminan kewangan kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh jaminan. Jika penghutang gagal membuat bayaran berkaitan dengan kontrak jaminan kewangan apabila perlu dibayar dan Kumpulan, sebagai penerbit, perlu membayar balik kerugian yang berkaitan kepada pemegang, liabiliti dinilai pada anggaran yang paling baik perbelanjaan yang perlu untuk menyelesaikan kewajipan kini pada tarikh laporan dan jumlah yang diiktiraf pada mulanya ditolak pelunasan terkumpul, yang mana lebih.

### 2.23 Kos pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika kos pinjaman tersebut berkaitan secara langsung dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos pinjaman bermula apabila aktiviti untuk menyediakan aset untuk diguna atau dijual sedang berjalan dan perbelanjaan dan kos pinjaman telah ditanggung. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga aset itu sedia atau hampir sedia untuk diguna atau dijual.

Semua kos pinjaman yang lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh penglibatan. Kos pinjaman merangkumi faedah dan kos yang lain yang Kumpulan dan Syarikat menanggung berkaitan dengan dana pinjaman.

### 2.24 Manfaat pekerja - pelan sumbangan dikenalpasti

Kumpulan menyertai skim pencen nasional yang ditetapkan oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Menurut peruntukan undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membayar sumbangan tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, suatu sumbangan skim pencen dikenalpasti. Sumbangan kepada skim pencen dikenalpasti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan yang berkaitan dilaksanakan.

### 2.25 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusniaga akan berpindah kepada Syarikat dan pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai wajar balasan yang diterima atau akan diterima.

(a) **Jualan hartanah**

Pendapatan daripada jualan hartanah dikira dengan kaedah tahap penyudahan aktiviti pembangunan seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

(b) **Kontrak pembinaan dan teknologi**

Pendapatan daripada kontrak dikira dengan kaedah tahap penyudahan aktiviti kontrak seperti yang dinyatakan di Nota 2.17.

(c) **Pendapatan perkhidmatan**

Pendapatan perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

(d) **Jualan barangan**

Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila pemindahan risiko dan manfaat yang ketara telah disempurnakan. Pendapatan tidak diiktiraf apabila terdapat ketidakpastian yang ketara tentang pemuliharaan balasan yang patut dibayar, kos-kos berkaitan atau kemungkinan pemulangan barangan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.25 Pengiktirafan pendapatan (samb.)

- (e) **Pendapatan sewa**  
Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.
- (f) **Pendapatan faedah**  
Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akrual dengan menggunakan kaedah faedah efektif.
- (g) **Pendapatan dividen**  
Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah dipastikan.
- (h) **Yuran pengurusan**  
Yuran pengurusan diiktiraf apabila perkhidmatan telah dilaksanakan.

### 2.26 Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda merupakan bayaran yang diterima terdahulu daripada tanah stesyen minyak petrol. Pendapatan daripada bayaran terdahulu ini diiktiraf berdasarkan pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 30 tahun.

### 2.27 Cukai pendapatan

#### (a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinilai pada jumlah yang dijangka akan dikutip daripada atau dibayar kepada pihak cukai yang berkuasa. Kadar cukai dan perundangan cukai yang digunakan untuk mengira jumlah yang timbul adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali setakat mana cukai itu berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti.

#### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh laporan di antara dasar cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi muhibah atau aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan dari penggabungan perniagaan dan, pada masa urusanniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti dikawal bersama, di mana pengaturan masa pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ada kemungkinan perbezaan sementara tidak akan dibalikkan pada masa depan yang dapat diramalkan.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.27 Cukai pendapatan (samb.)

#### (b) Cukai tertunda (samb.)

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna yang dibawa ke hadapan, sehingga di mana ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai, kredit cukai belum diguna dan kerugian cukai belum diguna kecuali:

- di mana aset cukai tertunda yang berkaitan dengan perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai timbul daripada pengiktirafan permulaan bagi aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan dari penggabungan perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang boleh dicukai; dan
- mengenai perbezaan sementara yang dibenarkan untuk taksiran cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti dikawal bersama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya sehingga ada kemungkinan perbezaan sementara akan dibalikkan dalam masa depan yang dapat diramalkan dan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan perbezaan sementara.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada tarikh laporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai yang mencukupi akan sedia ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf ditaksir semula pada tarikh laporan dan diiktiraf sehingga ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai pada masa depan membolehkan aset cukai tertunda digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinilai pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan butiran yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Cukai tertunda diiktiraf secara hubungkait kepada urusniaga yang mendasari sama ada dalam pendapatan komprehensif yang lain atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada penggabungan perniagaan adalah diselaraskan terhadap muhibah daripada pengambilalihan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika hak yang boleh dikuatkuasakan dari sisi undang-undang wujud untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti yang boleh dicukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

### 2.28 Matawang asing

#### (a) Matawang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan individu setiap entiti di dalam Kumpulan dinyatakan dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### 2.28 Matawang asing (samb.)

#### (b) Urusniaga matawang asing

Urusniaga matawang asing dinilai dalam matawang fungsian Syarikat dan subsidiari-subsidiari masing-masing dan direkodkan pada pengiktirafan permulaan dalam matawang fungsian pada kadar pertukaran yang menghampiri kadar semasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh laporan. Aset dan liabiliti tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada kos sejarah ditukarkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh ianya mula diurusniagikan. Butiran tidak bersifat kewangan yang didenominasikan dalam matawang asing yang dinilai pada nilai wajar ditukarkan dengan menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai wajarnya ditentukan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian butiran bersifat kewangan atau pada pertukaran butiran bersifat kewangan pada tarikh laporan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran bersifat kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing, yang diiktiraf pada mulanya dalam pendapatan komprehensif yang lain dan terkumpul di bawah rizab pertukaran matawang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran matawang asing diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian Kumpulan semasa pelupusan operasi asing.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan yang dinyatakan pada nilai wajar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh yang berkenaan kecuali untuk perbezaan yang timbul daripada penterjemahan butiran tidak bersifat kewangan di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan tukaran yang timbul daripada butiran tidak bersifat kewangan tersebut juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

#### (c) Operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing ditukar kepada RM pada kadar semasa pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan ditukar pada kadar pertukaran purata pada tarikh urusniaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada urusniaga dimasukkan secara langsung ke pendapatan komprehensif yang lain. Semasa pelupusan operasi asing, jumlah terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran matawang asing yang berkaitan dengan operasi asing tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Muhibah dan pelarasan nilai wajar yang timbul daripada pengambilalihan operasi asing dikenalpasti sebagai aset dan liabiliti operasi asing direkodkan dalam matawang fungsian operasi asing dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

### 2.29 Modal saham

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan sisa faedah dalam aset Kumpulan dan Syarikat selepas menolak kesemua liabilitinya. Saham-saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa dinyatakan pada hasil yang diterima, ditolak peningkatan kos urusniaga yang berkaitan secara langsung. Saham biasa diklasifikasi sebagai ekuiti. Dividen daripada saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

### 2.30 Kontingensi

Liabiliti atau aset luarjangka adalah kewajipan atau aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau di mana kewujudan hanya akan disahkan melalui sesuatu peristiwa masa hadapan yang tidak tentu akan berlaku atau tidak berlaku dan tidak kesemuanya dalam kawalan Kumpulan dan Syarikat.

Liabiliti dan aset luarjangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

### 3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan untuk membuat penghakiman, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilapor, dan pendedahan tentang liabiliti luarjangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang memerlukan pelarasan yang ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa depan.

#### 3.1 Sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran

Andaian penting yang berhubung dengan masa hadapan dan sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko penting yang akan menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dinyatakan di bawah:

##### (a) Cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda

Pertimbangan dibuat oleh salah sebuah subsidiari dalam peruntukan cukai pendapatan kerana terdapat perkara-perkara tertentu yang mengakibatkan cukai pendapatannya tidak dapat dipastikan dengan tepat. Subsidiari tersebut mengiktiraf liabiliti cukai yang perlu dibayar berdasarkan anggaran samada wujudnya tambahan cukai. Apabila cukai pendapatan muktamad telah ditentukan dan jumlah tersebut berbeza dari cukai pendapatan yang telah diiktiraf, perbezaan tersebut akan mempengaruhi peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda dalam tempoh di mana pertimbangan tersebut dibuat.

##### (b) Rosotnilai muhibah

Muhibah dikaji untuk rosotnilai setiap tahun dan pada masa yang lain apabila terdapat petunjuk yang wujud. Ia memerlukan anggaran nilai dalam kegunaan bagi unit janaan tunai di mana muhibah telah diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai dalam kegunaan dilaksanakan, pihak pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset atau unit janaan tunai dan memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Butiran tambahan tentang nilai dibawa dan andaian penting yang digunakan dalam penilaian rosotnilai muhibah telah dinyatakan di Nota 16.

##### (c) Pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dan perbelanjaan pembangunan hartanah dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah tahap penyudahan aktiviti pembangunan. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan pembangunan hartanah tersebut.

Anggaran penting perlu dibuat untuk menentukan tahap penyudahan, kos pembangunan hartanah yang dibelanjakan, jumlah pendapatan dan kos anggaran pembangunan hartanah, dan juga pemulihan kos pembangunan hartanah. Anggaran yang dilakukan oleh Kumpulan dengan penilaian berdasarkan pengalaman terdahulu dan bergantung kepada kerja pakar-pakar.

Nilai dibawa aset dan liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti pembangunan hartanah dinyatakan di Nota 13. Tambahan atau kurangan sebanyak 10% dalam jumlah kos pembangunan hartanah yang dianggarkan akan mengakibatkan kurangan atau tambahan sebanyak kira-kira 16% dan 19% masing-masing dalam pendapatan Kumpulan dan kurangan atau tambahan sebanyak kira-kira 1% dan 2% masing-masing dalam kos pembangunan hartanah Kumpulan bagi tahun semasa.

##### (d) Kontrak pembinaan dan teknologi

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dan perbelanjaan kontrak pembinaan dan teknologi dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah tahap penyudahan aktiviti. Tahap penyudahan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dibelanjakan kepada jumlah anggaran kos untuk menyudahkan kontrak tersebut.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 3. ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN PENTING (samb.)

### 3.1 Sumber-sumber penting daripada ketidakpastian anggaran (samb.)

#### (d) Kontrak pembinaan dan teknologi (samb.)

Anggaran penting perlu dibuat untuk menentukan tahap penyudahan, kos kontrak yang dibelanjakan, jumlah pendapatan dan anggaran kos kontrak, dan juga pemulihan kos kontrak. Anggaran yang dilakukan oleh Kumpulan dengan penilaian berdasarkan pengalaman terdahulu dan bergantung kepada kerja pakar-pakar.

Nilai dibawa aset dan liabiliti Kumpulan yang timbul daripada kontrak pembinaan dan teknologi dinyatakan di Nota 24. Tambahan atau kurangan sebanyak 10% dalam jumlah kos kontrak pembinaan yang dianggarkan akan mengakibatkan kurangan atau tambahan sebanyak kira-kira 26% dan 23% masing-masing dalam pendapatan kontrak pembinaan yang diiktiraf bagi tahun semasa.

Tambahan atau kurangan sebanyak 10% dalam jumlah kos kontrak teknologi yang dianggarkan akan mengakibatkan kurangan atau tambahan sebanyak kira-kira 278% dan 112% masing-masing dalam pendapatan kontrak teknologi yang diiktiraf bagi tahun semasa.

#### (e) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua kerugian yang belum diguna dan elaun modal yang belum diserap sehingga ada kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai sedia ada untuk menggunakan kerugian dan elaun modal tersebut. Penghakiman pihak pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pengaturan masa yang mungkin dan paras keuntungan yang boleh dicukai masa depan bersama dengan strategi perancangan percukaian masa depan.

Andaian mengenai penjana keuntungan yang boleh dicukai masa depan bergantung kepada anggaran aliran tunai masa depan pihak pengurusan. Ini bergantung kepada anggaran jumlah pengeluaran dan penjualan, kos operasi, perbelanjaan modal, dividen dan urusniaga pengurusan modal yang lain. Penghakiman juga diperlukan mengenai penggunaan perundangan cukai pendapatan. Penghakiman dan andaian tersebut tertakluk kepada risiko dan ketidakpastian, oleh sebab itu terdapat kemungkinan perubahan dalam keadaan akan mengubah jangkaan, yang akan mempengaruhi jumlah aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan jumlah kerugian cukai yang tidak diiktiraf dan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf.

Nilai dibawa jumlah kerugian cukai, elaun modal dan lain-lain perbezaan sementara yang tidak diiktiraf oleh Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 adalah RM168,581,000 (2009: RM165,425,000) dan RM12,633,000 (2009: RM7,173,000) masing-masing.

#### (f) Rosotnilai pinjaman dan penghutang

Kumpulan menaksir pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang aset kewangan telah merosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, Kumpulan menimbang faktor seperti kemungkinan menjadi mufliis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penghutang dan kemungkiran atau kelewatan bayaran yang ketara.

Di mana terdapat bukti objektif rosotnilai, jumlah dan pengaturan masa aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai sifat risiko kredit yang sama. Jumlah pinjaman dan penghutang Kumpulan pada tarikh laporan dinyatakan di Nota 22.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

### 4. PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan dividen:				
- saham tersiarharga di Malaysia	-	1	-	-
- subsidiari-subsidiari	-	-	8,788	151,293
- entiti dikawal bersama	-	-	45,000	14,592
Penjualan hartanah dan pembangunan hartanah	218,608	214,519	-	-
Pendapatan kontrak:				
- pembinaan	301,140	133,075	-	-
- teknologi	21,385	25,517	-	-
Jualan barangan	3,293	8,396	-	-
Pendapatan sewa	119	119	119	119
Yuran pengurusan:				
- subsidiari-subsidiari	-	-	2,183	960
- syarikat bersekutu	-	32	-	-
	544,545	381,659	56,090	166,964

### 5. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendapatan faedah	2,195	1,206	300	79
Pengiktirafan pendapatan tertunda	176	176	50	50
Pendapatan hibah	323	147	26	29
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	35	3	33	3
Keuntungan daripada penjualan hartanah pelaburan	119	-	119	-
Keuntungan daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	68	-	2
Keuntungan daripada tukaran matawang asing	96	3	-	-
Pembalikan kerugian rosotnilai:				
- lain-lain penghutang	-	9	-	-
- subsidiari-subsidiari	-	-	-	19,816
Peruntukan dipulih semula (Nota 27)	1,250	75	-	-
Pembalikan kos diakru	15,759	6,471	70	-
Pelarasan nilai pasaran wajar hartanah pelaburan (Nota 14)	533	200	533	200
Ganti rugi kelewatan kerja dipulih semula	481	-	-	-
Tambahan diskaun	772	-	-	-
Lain-lain	1,601	1,995	57	1,074
	23,340	10,353	1,188	21,253

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2010

(samb.)

## 6. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan faedah atas:				
- Pinjaman bank dan overdraf	13,827	11,589	-	-
- Liabiliti sewabeli	44	32	21	17
	13,871	11,621	21	17
Tolak:				
Jumlah dipermodalkan dalam kos kontrak (Nota 24)	(6,137)	(5,895)	-	-
Jumlah dipermodalkan dalam kos pembangunan hartanah (Nota 13)	(1,330)	(1,739)	-	-
	6,404	3,987	21	17
Diskaun diuraikan	865	-	-	-
	7,269	3,987	21	17

## 7. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Termasuk di dalam keuntungan sebelum cukai adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 8)	15,769	13,967	5,816	4,664
Ganjaran juruaudit:				
- Audit berkanun				
- tahun semasa	306	261	33	33
- Lain-lain	17	10	5	-
Ganjaran pengarah bukan eksekutif (Nota 9):				
- Yuran	302	264	124	79
- Lain-lain emolumen	25	23	8	6
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan:				
- Kumpulan (Nota 12)	1,307	1,576	358	554
- Penjualan subsidiari (Nota 17(d)(i))	-	2	-	-
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5	570	-	72
Pelunasan bayaran terdahulu pajakan tanah	-	14	-	7
Kerugian rosotnilai muhibah (Nota 16)	-	2,816	-	-

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## 31 Disember 2010

(samb.)

### 7. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (samb.)

Termasuk di dalam keuntungan sebelum cukai adalah: (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Kerugian rosotnilai tanah untuk pembangunan (Nota 13(a))	-	111	-	-
Kerugian rosotnilai pelaburan dalam subsidiari	-	-	-	9,079
Kerugian daripada penjualan subsidiari (Nota 17(d) (i))	-	94	-	-
Kurangan dalam nilai sekuriti pelaburan	-	330	-	-
Kerugian daripada tukaran matawang asing:				
- belum direalisasikan	861	-	-	-
- direalisasikan	3	18	-	-
Hutang lapuk dihapuskira	77	29	1	-
Kerugian rosotnilai lain-lain penghutang	782	2,145	264	4
Penepian hutang daripada subsidiari	-	-	-	2,264
Peruntukan (Nota 27)	117	8,460	-	-
Pajakan operasi:				
- pembayaran minima pajakan untuk bangunan	1,362	2,318	423	387
- pembayaran minima pajakan untuk peralatan pejabat	315	599	224	39
Sewa kenderaan	-	4	-	-

### 8. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Gaji dan upah	17,468	18,772	5,017	4,013
